



**ELEMEN SIKAP, MOTIVASI DAN MINAT MURID SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN TAMIL DI TINGKATAN 1 DALAM PENGUASAAN
BAHASA MELAYU**

Oleh

GAYATRI A/P MARIMOTHU

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Januari 2024

FBMK 2024 10

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**ELEMEN SIKAP, MOTIVASI DAN MINAT MURID SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN TAMIL DI TINGKATAN 1 DALAM PENGUASAAN
BAHASA MELAYU**

Oleh

GAYATRI A/P MARIMOTHU

Januari 2024

Pengerusi : Rohaidah binti Kamaruddin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Bahasa Melayu digunakan sebagai wadah utama dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid namun murid dari SJKT dikatakan tidak menguasai bahasa Melayu dan mengalami masalah semasa di Sekolah Menengah kerana dipengaruhi sikap, motivasi dan minat. Objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti elemen sikap yang dominan daripada aspek kognitif, afektif dan konatif dalam penguasaan bahasa Melayu murid SJKT di tingkatan 1. Manakala objektif kedua ialah menganalisis elemen dominan dalam motivasi instrumental atau integratif dalam penguasaan bahasa. Objektif ketiga ialah menghuraikan faktor yang utama dalam meningkatkan minat bahasa di tingkatan 1. Seramai 180 murid India tingkatan satu yang menerima pendidikan awal di SJKT daripada enam buah sekolah di Negeri Sembilan dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan kaedah campuran menggunakan Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (2005). Kaedah yang digunakan ialah kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data sikap dan motivasi

yang diperoleh melalui borang soal selidik dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Sciences (SPSS) V29*. Manakala data faktor-faktor dalam meningkatkan minat murid SJKT dalam penguasaan bahasa kedua di tingkatan 1 diperoleh melalui *Focused Group Discussion (FGD)*. Analisis kajian mendapati elemen afektif merupakan elemen dominan dalam sikap murid India dari SJKT menguasai bahasa Melayu diikuti oleh elemen kognatif dan akhirnya elemen konatif. Manakala bagi elemen yang dominan dalam motivasi ialah motivasi integratif. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor yang meningkatkan minat ialah guru diikuti persekitaran, ibu bapa dan terakhir ialah faktor rakan-rakan.

Kata Kunci: Sikap, Motivasi, Faktor Minat, Murid SJKT di Tingkatan Satu, Penguasaan Bahasa Melayu

SDG: GOAL 4: Pendidikan Berkualiti

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**ELEMENTS OF ATTITUDE, MOTIVATION AND INTEREST OF SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL STUDENTS AT FORM 1 IN MALAY
LANGUAGE MASTERY**

By

GAYATRI A/P MARIMOTHU

January 2024

Chairman : Rohaidah binti Kamaruddin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Malay is the primary language of instruction in primary schools, national-style schools, and secondary schools. However, it is asserted that SJKT students struggle in high school and lack a grasp of the Malay language because of their attitude, motivation, and interest. This study aims to identify the attitudes, motivations, and interests of form 1 students in six secondary schools in Negeri Sembilan towards learning Malay. The primary goal of the study is to identify the dominating attitude components in the cognitive, emotional, and conative elements of mastery. Analyzing the predominant instrumental or integrative motivational component in language acquisition is the second goal. The third goal is to describe the primary elements that contribute to increased interest in language in form 1. The study sample consisted of 180 Indian level one students who were enrolled at SJKT early in their studies. The methodologies employed are both quantitative and qualitative. To examine attitude and motivation data collected by questionnaires, use the Statistical Package for

Sciences (SPSS) V29. Focused Group Discussions (FGD) were used to gather information about the factors that made SJKT students more interested in learning a second language at level 1. The study's analysis revealed that Indian students' attitudes toward learning Malay are dominated by the affective component, which is followed by the cognitive and conative elements. The study's results indicate that, although integrative motivation is the primary driver of motivation, other important interest factors include the teacher, the surroundings, parents, and friends.

Keywords: Attitude, Motivation, Interest Factor, Proficiency in Malay Language, SJKT Students in Form One

SDG: GOAL 4: Quality Educational

PENGHARGAAN

Syukur dan segala pujian kepada Tuhan atas hidayah-Nya memudahkan penulisan kajian ini sehingga menemui noktah akhirnya. Sesungguhnya dalam menyiapkan penulisan tesis ini, banyak rintangan dan cabaran telah saya tempuhi.

Saya berasa syukur kerana saya telah mendapat bimbingan dan dorongan daripada pelbagai pihak. Ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada penyelia yang dihormati Prof. Madya Dr.Hajah Rohaidah binti Haji Kamaruddin, Dr. Muhammad Alif Redzuan Bin Abdullah dan Dr Veeramohan atas bimbingan dan tunjuk ajar serta dorongan yang diberikan kepada saya selama ini .

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) dan pengetua-pengetua sekolah yang membenarkan saya melakukan kajian. Terima kasih juga kepada guru-guru yang membantu saya dan murid-murid yang terlibat dalam kajian ini.

Khas buat mendiang ayah Encik Marimothu Ratnam dan ibu Puan Mariayee Annamalai, terima kasih diucapkan kerana tidak pernah berhenti memberi tunjuk ajar, didikan, dorongan dan semangat kepada saya selama ini. Terima kasih juga kepada doa yang dititipkan buat saya.

Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan buat suami saya Encik Kannan kerana sentiasa memahami situasi saya serta tidak pernah berputus asa memberi sokongan moral dan membantu daripada aspek kewangan serta semangat selama saya menulis kajian ini. Terima kasih kerana berkongsi suka duka bersama-sama saya dan sentiasa ada bersama dalam mengejar cita-cita saya ini

Tidak dilupakan anak-anak saya Mugilan Kannan dan Mookambiga Kannan kerana kalian menjadi sumber inspirasi dan kekuatan saya. Semoga saya akan menjadi inspirasi kepada kalian berdua untuk tidak berputus asa dalam mengejar cita-cita walaupun terpaksa merempuh seribu satu cabaran dalam hidup.

Terima kasih semua yang terlibat secara langsung atau tidak sepanjang kembara ilmu saya ini sampai ke garisan penamat.

*Kuning emas masakanya padi,
Mawar merah dipetik tadi,
Terima kasih daun keladi,
Budi tuan jadi kenangan abadi*

Gayatri Marimothu

2023

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Rohaidah binti Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhammad Alif Redzuan bin Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Julai 2024

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI CARTA	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	26
1.5 Persoalan Kajian	26
1.6 Skop Dan Batasan Kajian	27
1.7 Kepentingan Kajian	29
1.8 Definisi Operasional	35
1.8.1 Elemen yang Dominan	35
1.8.2 Sikap	36
1.8.3 Motivasi	40
1.8.4 Minat	42
1.8.5 Penguasaan	44
1.8.6 Bahasa Melayu	45
1.8.7 Murid India Tingkatan 1 SJKT	46
1.9 Rumusan	47
2 SOROTAN LITERATUR	49
2.1 Pengenalan	49
2.1.1 Sikap	49
2.1.2 Motivasi	53
2.1.3 Minat	57
2.2 Sorotan Kajian Sikap	67
2.3 Sorotan Kajian Motivasi	75
2.4 Sorotan Kajian Minat	81
2.5 Sorotan Kajian Model Sosio-Educational Gardner	85
2.6 Kesimpulan	90
3 METODOLOGI	92
3.1 Pengenalan	92
3.2 Reka Bentuk Kajian	93

3.3	Kerangka Teori	99
3.3.1	Persampelan	107
3.4	Instrumen Kajian	113
3.4.1	Borang pemerhatian Tidak Turut Serta	113
3.4.2	Borang Soal Selidik	114
3.4.3	Temu bual - Fokus Group Discussion (FGD)	120
3.5	Tempat Kajian	122
3.6	Kaedah pengumpulan data	124
3.6.1	Kaedah Pemerhatian	124
3.6.2	Kaedah Soal Selidik	125
3.6.3	Temu Bual Kumpulan Fokus (FGD)	127
3.7	Prosedur Kajian	132
3.8	Penganalisan Data	142
3.9	Pertimbangan Etika	146
3.10	Kajian Rintis	148
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan	150
3.12	Kerangka Kajian	154
3.13	Kesimpulan	155
4	ANALISIS DATA	156
4.1	Pengenalan	156
4.2	Profil Responden	156
4.3	Objektif 1: Elemen sikap yang dominan dalam penguasaan bahasa Melayu murid SJKT di tingkatan 1	161
4.3.1	Elemen afektif	162
4.3.2	Elemen Kognitif	167
4.3.3	Elemen Konatif	171
4.4	Objektif kedua menganalisis elemen motivasi yang dominan antara motivasi instrumental dan motivasi integratif dalam penguasaan bahasa Melayu.	176
4.4.1	Motivasi Instrumental	176
4.4.2	Motivasi integratif	179
4.5	Objektif ketiga: Menghuraikan faktor yang dominan dalam meningkatkan minat penguasaan bahasa Melayu.	183
4.5.1	Faktor utama- Guru	193
4.5.2	Faktor kedua- persekitaran	197
4.5.3	Faktor ketiga- Ibu Bapa	202
4.5.4	Faktor Rakan	206
4.6	Kesimpulan	210
5	PERBINCANGAN	211
5.1	Pengenalan	211
5.2	Rumusan Kajian	211
5.3	Perbincangan Dapatan kajian	213
5.3.1	Elemen sikap yang dominan dalam penguasaan bahasa Melayu murid SJKT di tingkatan 1.	213
5.3.2	Elemen yang dominan antara motivasi integratif dan instrumental dalam penguasaan bahasa Melayu	221

5.3.3	Perbincangan tentang faktor yang dominan dalam meningkatkan minat penguasaan bahasa.	227
5.4	Implikasi terhadap Teori	236
5.5	Implikasi kajian	242
5.5.1	Murid-murid India	242
5.5.2	Guru	243
5.5.3	Sekolah	245
5.5.4	KPM	247
5.5.5	Ibu bapa	248
5.6	Cadangan	250
5.6.1	Cadangan Kajian Lanjutan	250
5.7	Penutup	252

RUJUKAN	255
LAMPIRAN	263
BIODATA PELAJAR	286
SENARAI PENERBITAN	287

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1	Bilangan murid SJKT di Malaysia 4
1.2	Peratusan Murid Gagal dalam Peperiksaan PT3 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu 13
1.3	Bilangan Murid India yang Gagal dalam Peperiksaan PT3 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu 13
1.4	Gred Purata Negeri (GPN) bagi SPM 28
3.1	Reka bentuk Kajian 97
3.2	Bilangan populasi dan sampel kajian 109
3.3	Bilangan responden mengikut jantina 110
3.4	Persampelan mengikut sekolah bagi FGD 113
3.5	Skala Likert 5 117
3.6	Keputusan SPM 2017-2019 123
3.7	Prosedur Penyelidikan 134
3.8	Lokasi Kajian FGD 137
3.9	Protokol FGD 140
3.10	Pengkategorian nilai peratusan dalam kajian rintis 151
4.1	Profil Responden Mengikut Jantina 157
4.2	Analisis markah murid-murid mengikut gred 160
4.3	Interpretasi skor min Alia 161
4.4	Sikap murid-murid dalam penguasaan bahasa Melayu 162
4.5	Analisis Elemen Sikap Afektif 163
4.6	Analisis Elemen Sikap Kognitif 167
4.7	Analisis Elemen Sikap Konatif 172
4.8	Analisis Elemen Motivasi Instrumental 176

4.9	Analisis Elemen Motivasi Integratif	179
4.10	Analisis data FGD	185
4.11	Tringulasi Data	189
4.12	Transkrip data bagi faktor guru	193
4.13	Transkrip bagi faktor persekitaran.	197
4.14	Transkrip bagi faktor ibu bapa	202
4.15	Transkrip bagi faktor rakan	206



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Reka bentuk Penjelasan (Explanatory Design).	96
3.2	Traingulasi Data	98
3.3	Model Sosio-pendidikan Gardner 2005.	99
3.4	Prosedur Persampelan	108
3.5	Langkah-langkah mendapatkan data soal selidik	120
3.6	Proses pengumpulan dan penganalisan data	144
3.7	Kerangka Kajian	154

SENARAI CARTA

Carta		Muka Surat
3.1	Bilangan responden mengikut sekolah	110
3.2	Taburan item soalan soal selidik mengikut elemen yang diuji	119
4.1	Bilangan responden di enam buah sekolah.	157
4.2	Peratus Responden Mengikut Sekolah	158
4.3	Pendapatan ibu bapa murid-murid India	159
4.4	Jawapan bagi soalan temu bual FGD	187

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Surat BPPDP	263
B	Surat Kebenaran JPNS	264
C	Surat kepada pakar pengesahan soalan	265
D	Borang Soal Selidik	266
E	Surat Akuan Terima Persetujuan Menjadi Peserta Kajian	270
F	Protokol Temu Bual	271
G	Kajian Rintis (FGD)	273
H	Senarai Semak Kaedah Pemerhatian	274
I	Transkrip Jawapan Responden untuk Faktor Guru	275
J	Transkrip Jawapan Responden untuk Faktor Persekitaran	276
K	Transkrip responden untuk faktor ibu dan bapa.	278
L	Transkrip responden untuk faktor rakan	280
M	Analisis Ujian Kebolehpercayaan	282
N	Keputusan Kajian Rintis	283
O	Pengesahan Instrumen Kajian	284
P	Nota Lapangan	285

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
FGD	Focus Group Discussion
JPNS	Jabatan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SP	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem Pendidikan merupakan asas yang utama bagi pembangunan masyarakat dan bagi memacukan sesebuah negara ke arah negara yang maju. Dalam negara yang mempunyai pelbagai kaum seperti Malaysia, dasar pendidikan yang dijalankan perlu selaras dengan keperluan rakyat agar dapat merealisasikan perpaduan negara di samping melahirkan cerdik pandai negara yang akan menerajui kepimpinan negara (Dasar Pendidikan Kebangsaan). Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan negara kita dan bahasa rasmi Malaysia sejak kita mencapai kemerdekaan lagi. Bahasa Melayu digunakan sebagai wadah utama dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid di peringkat sekolah rendah, sekolah jenis kebangsaan, sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Menurut Noriah Mohamed (1999), bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca wujud beratus tahun dahulu, iaitu sejak zaman kerajaan Sriwijaya, Majapahit sehinggalah Zaman Kesultanan Melayu Melaka di kawasan Kepulauan Melayu.

Bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan konsep atau untuk membuat sesuatu pernyataan. Menurut Asmah (1993), bahasa merupakan lambang kewujudan sesebuah tamadun dan negara

malah turut berperanan sebagai bahasa pemersatuan. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan murid-murid berbilang kaum agar dapat menerapkan perpaduan yang utuh antara murid-murid yang berbilang kaum. Pembinaan jati diri bangsa Malaysia sangat wajar dipupuk melalui bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu dalam wadah pendidikan negara.

Pendidikan mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia dan manusia dianggap mundur sekiranya tiada pendidikan. Pendidikan di Malaysia penting bagi memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dirangka bagi mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk memastikan pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid. Anjakan kedua dalam pelan ini ingin setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia. Sistem pendidikan negara wadah yang penting bagi menyampaikan ideologi kebangsaan kepada masyarakat iaitu melalui penerapan nilai-nilai positif untuk memastikan perpaduan negara terjamin. Malahan anjakan kedua ini dirangka bagi memastikan murid-murid menguasai bahasa Melayu selepas tamat sekolah menengah dan berupaya menggunakan bahasa Melayu di persekitaran pekerjaan.

Pada zaman pemerintahan Inggeris, diwujudkan lima jenis persekolahan iaitu sekolah Vernakular Melayu, Inggeris, Cina, India dan Sekolah Agama. Bahasa

penghantar ialah bahasa ibunda dan mata pelajaran yang diajar oleh guru-guru kepada pelajar di sekolah-sekolah ialah mengarang, menulis, ejaan, ilmu hisab, latihan Jasmani dan Ilmu Alam serta bacaan. Matlamat utama sistem pendidikan penjajah ialah semata-mata untuk memberi pendidikan kepada segelintir rakyat bagi membolehkan keperluan tenaga dan ekonomi British dapat dipenuhi. Sekolah Tamil pula ditubuhkan semasa kemasukan buruh India ke Tanah Melayu secara beramai-ramai walaupun pada awalnya pemerintah British di Tanah Melayu kurang berminat dalam memberi pendidikan kepada kaum India. Namun begitu, bagi menarik lebih ramai buruh India ke Tanah Melayu maka British telah mewujudkan undang-undang buruh yang menyatakan jika terdapat kanak-kanak 2 hingga 10 tahun, pengurusan ladang berkenaan harus menyediakan pendidikan dengan mendirikan sekolah dengan guru. Pendidikan awal bagi kaum India di Sekolah jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) adalah dalam bahasa Tamil dan perkembangan bahasa Tamil turut meningkat sejajar dengan perusahaan ladang-ladang di Tanah Melayu. Sekolah-sekolah Tamil ini dimulakan oleh imigran dari India yang bekerja di ladang-ladang. Kelas-kelas diadakan di bangunan-bangunan lama dan diajar oleh kerani-kerani ladang atau mandur serta buku-buku yang digunakan adalah dari India dan tidak mempunyai sukatan pelajaran. Setelah kod buruh diluluskan majikan ladang-ladang diminta membiayai pendidikan anak-anak pekerja estet.

Pada tahun 1941, terdapat sebanyak 18 buah sekolah di Tanah Melayu yang telah didirikan dan kemudiannya menjadi 8 buah sekolah ketika zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu dan kemudiannya meningkat kepada

44 buah sekolah setelah zaman pemerintahan Jepun. Banyak perubahan dilakukan di SJKT di negara kita setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Antara usaha yang dilakukan dan antaranya mewujudkan iklim SJKT yang kondusif dengan meningkatkan kemudahan infrastruktur yang dapat meningkatkan bilangan murid dan melaksanakan pedagogi yang terkini. Kualiti akademik di SJKT juga turut ditingkatkan dan terbukti melalui pencapaian murid-murid dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dalam kalangan murid SJKT semakin meningkat (Manikam, 2008). Hal ini menjadi faktor utama penambahan bilangan murid-murid di SJKT apabila pelbagai kemudahan disediakan oleh kerajaan kepada murid-murid di SJKT. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan murid-murid di SJKT dari 2018-2021.

Jadual 1.1: Bilangan Murid SJKT di Malaysia

Tahun	Bilangan Murid
Jan 2018	81,488
Apr 2018	81,635
Jan 2019	81,321
May 2019	81,447
Jan 2020	80,569
Jun 2020	80,743
Jun 2021	80,434

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia)

Kini, murid-murid di sekolah SJKT melalui Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) dan dinilai pencapaian mereka berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

(PBS) sebelum mereka melangkah ke sekolah menengah. Bagi murid-murid di sekolah Cina dan Tamil yang tidak menguasai bahasa Melayu, mereka dihantar ke kelas peralihan sehingga mereka menguasai mata pelajaran berkenaan manakala murid-murid yang memperoleh markah cemerlang dalam terus diserap ke tingkatan satu (Haryaneh Rahisin, 2014). Mereka kemudiannya menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semasa mereka berada di tingkatan 5.

Tujuan utama bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah adalah untuk menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum agar hidup bersatu padu sejak di bangku sekolah lagi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Kebanyakan murid bukan Melayu di Malaysia memperoleh lebih daripada satu bahasa kerana bahasa ibunda yang berlainan mengikut kaum-kaum di Malaysia (Teo Kok Seong 2014). Dasar dan pelan pendidikan telah meletakkan peranan dominan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara maka usaha memartabatkan Bahasa Melayu dalam pendidikan sangat penting sebagai alat perpaduan, bahasa perhubungan utama bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa. Oleh itu, murid-murid India dari SJKT perlu menguasai bahasa Melayu agar dapat memastikan bahasa Melayu menduduki tempat yang tinggi sebagai bahasa moden kerana telah memenuhi semua syarat, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar ilmu, bahasa perdagangan, bahasa agama, bahasa kebudayaan dan kesusteraan, bahasa ketenteraan, bahasa lingua franca, bahasa parlimen dan bahasa mahkamah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu menjadi bahasa kedua atau bahasa ketiga bagi murid-murid bukan Melayu dan proses menguasai bahasa Melayu tidak hadir semula jadi. Hal ini demikian kerana setiap kaum atau etnik mempunyai bahasa, budaya, kepercayaan dan adat resam mereka yang tersendiri. Maka bahasa ibunda mereka digunakan sebagai bahasa pertama mereka dalam berkomunikasi sejak mereka lahir dan ramai antara mereka telah menguasai bahasa pertama mereka dengan baik. Oleh itu, murid yang menerima pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) mengikuti pendidikan ke sekolah menengah dan harus menguasai bahasa Melayu. Profesiensi berbahasa Melayu merupakan aspek yang penting dan perbezaan antara penutur natif dengan penutur bukan natif dapat dikenal pasti menerusi tatacara penguasaan bahasa yang tidak formal seperti persekitaran keluarga, dan lebih merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan (Ellis et al., 2008).

Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa ilmu setelah mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah dan bahasa ibunda akan digunakan sebagai bahasa tambahan sahaja (Penyataan Razak, 1956). Hal ini demikian kerana bahasa Melayu berperanan sebagai jati diri atau identiti bangsa Malaysia di samping mengeratkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Oleh itu, bahasa Melayu harus diketahui dan dikuasai oleh rakyat Malaysia. Penyata Razak telah menekankan peranan bahasa sebagai bahasa ilmu yang menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Setelah itu, Laporan Rahman Talib pula mengangkat peranan bahasa Melayu

sebagai sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan dan digunakan oleh semua murid berbilang kaum sebagai bahasa perpaduan. Dalam Perlembagaan 152, bahasa Melayu diiktirafkan sebagai bahasa rasmi, manakala Akta 1963 dan 1967 mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu bukan untuk bangsa Melayu sahaja, sebaliknya bahasa bangsa Malaysia. Rakyat Malaysia, khususnya murid-murid harus menggunakan bahasa Melayu untuk memartabatkan bahasa ini dengan fasih dan menjiwai bahasa Melayu sebagai perantara komunikasi ilmu, perpaduan, kebudayaan dan yang penting sebagai pertuturan asas bangsa Malaysia (Siti Norayu Mohd Basir, 2012). Namun begitu situasi di sekolah-sekolah menengah khususnya setelah murid-murid SJK ke tingkatan 1 ialah murid-murid Cina dan Tamil ini yang tidak dapat bertutur dalam bahasa Melayu (Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd Rahman terhadap 414 murid Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) di Kuantan, mereka mendapati 55.7 peratus murid yang bakal melangkah ke tingkatan 1 ini masih tidak fasih bahasa Melayu. Penguasaan bahasa Melayu bagi murid bukan Melayu mempunyai perbezaan yang ketara dengan penguasaan bahasa ibunda dan hal ini mewujudkan perbezaan antara dua kelompok murid-murid yang berasal dari aspek budaya dan pemikiran yang berbeza. Penguasaan bahasa Melayu perlu dikuasai oleh setiap murid di Malaysia bagi kelangsungan hidup dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid yang berasal dari SJK ketika peringkat menengah rendah harus dikenal pasti daripada peringkat

awal lagi supaya guru-guru mahupun pihak sekolah dapat memastikan bahawa lebih ramai murid dari SJK ini menguasai bahasa Melayu. Hal ini penting untuk memastikan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 90% pencapaian murid pada tahap minimum gred kepujian dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (PPPM 2013-2025, Ekshibit 4-6) dapat direalisasikan. Angka ini akan tercapai jika jurang prestasi antara kumpulan etnik ini dapat ditangani agar mereka tidak tercicir daripada sistem persekolahan. Maka bahasa Melayu perlu dimartabatkan dalam kalangan murid-murid SJKT mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) agar mereka menguasai bahasa Melayu dengan baik terutamanya apabila berada di tingkatan 1. Penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan murid-murid SJK akan menyebabkan perbendaharaan kata yang kurang dan murid-murid ini juga tidak akan menguasai kosa kata sekali gus menyukarkan proses mereka dalam menguasai mata pelajaran bahasa Melayu apabila berada di sekolah menengah. Buktinya, 34.1% murid-murid Cina mempunyai masalah pemahaman dalam perbualan, 23.1% murid-murid mempunyai masalah bertutur dan 11.0% mempunyai masalah membaca (Roashimah Ibrahim et al. 2017).

Sikap masyarakat, khususnya murid-murid memandang remeh penggunaan bahasa kebangsaan menyebabkan usaha kerajaan dalam memperkasakan bahasa Melayu berdepan dengan pelbagai cabaran. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sekali gus sebagai pembentukan tamadun bangsa Malaysia kian tercalar kerana sikap sesetengah pihak yang memandang remeh terhadap kedudukan bahasa Melayu, khususnya sebagai

bahasa pengantar ilmu (Puteri Roslina, 2005). Semakin ramai murid yang gagal menguasai bahasa Melayu walaupun bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa pengantar di sekolah. Murid-murid India dikatakan mempunyai masalah dalam menguasai bahasa Melayu kerana mereka tidak dapat melepaskan diri daripada kongkongan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Tamil. Lebih-lebih lagi, murid-murid di SJKT ini telah menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar bagi subjek Matematik, Sains, Sejarah dan sebagainya. penguasaan bahasa Melayu memperlihatkan banyak kelemahan dan kecelaruan dalam peperiksaan atau komunikasi sosial walaupun bahasa Melayu adalah bahasa rasmi. Hal ini menyebabkan peratusan murid dalam peperiksaan bahasa Melayu membimbangkan banyak pihak (Zulkifley Hamid, 2005). Sehubungan itu, murid yang perlu menguasai subjek yang menggunakan bahasa Melayu agar mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran. Rusmadi Baharuddin (2022), menyatakan pendidikan kini tidak dapat melahirkan murid-murid yang menghargai dan bangga akan bahasa Melayu dan hal ini bertentangan dengan matlamat pengajaran bahasa Melayu yang menekankan aspek penguasaan bahasa Melayu yang bermutu dalam kalangan pelajar. Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid di sekolah memperlihatkan banyak kecelaruan dan kelemahan sehingga menyebabkan kemerosotan peratusan murid-murid dalam peperiksaan bahasa Melayu sehingga mengundang kebimbangan banyak pihak. Puteri Roslina (2015), berpendapat pendidikan dan bahasa haruslah seiring dalam membina konsep negara bangsa agar isu yang wujud berkaitan bahasa diselesaikan dengan sistem pendidikan melalui pemahaman murid tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid India bergantung kepada kesediaan mereka untuk mempelajari bahasa itu yang kemudiannya membantu dalam usaha meningkatkan minat terhadap penguasaan bahasa Melayu. Sikap murid-murid itu sendiri yang tidak mengendahkan kepentingan bahasa Melayu menyebabkan masalah penguasaan ini terjadi kerana murid-murid dari SJKT ini dikatakan kurang berusaha untuk membaiki penguasaan bahasa Melayu mereka (Indumathy Munusamy, 2013). Proses penguasaan bahasa kedua dalam kalangan murid India SJKT apabila mereka memasuki sekolah menengah dipengaruhi oleh sikap, motivasi dan minat. Proses penguasaan bahasa kedua dalam kalangan murid India SJKT apabila mereka memasuki sekolah menengah dipengaruhi oleh sikap tidak mengendahkan kepentingan bahasa Melayu kerana kekurangan motivasi. Lightbown dan Spada (1999) dalam Tay Meng Guat (2016) menyatakan dalam menguasai bahasa kedua elemen sikap, kesediaan dan motivasi saling berkait. Murid-murid yang mempunyai sikap positif terhadap bahasa Melayu maka motivasi dalam kalangan bukan penutur jati ini mendorong mereka menguasai bahasa kedua tersebut (Mohd Uzir Bin Zubir, 2018). Sikap murid-murid daripada aspek afektif, kognitif dan konatif perlu dirungkai. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi murid India SJKT yang dominan dalam mempelajari dan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di tingkatan 1. Faktor minat membantu mereka menguasai bahasa Melayu sekiranya mereka bersikap positif serta bermotivasi dapat menyelesaikan pelbagai masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid yang berasal dari SJKT. Sikap dan motivasi seiring dalam penguasaan bahasa Melayu kerana menggerakkan dan mengarahkan tingkah laku seseorang

supaya terdorong untuk bertindak melakukan sesuatu dalam penguasaan bahasa kedua (Nancy Ngumbang dan Zamri Mahamod, 2017).

1.3 Penyataan Masalah

Kebanyakan murid yang meneruskan pengajian mereka ke sekolah menengah selepas tahun 6 sering mengalami masalah penguasaan bahasa dan tidak dapat menguasai subjek lain yang diajar menggunakan bahasa Melayu (Nurhijrah Zakaria dll, 2019). Proses penguasaan bahasa kedua dalam kalangan murid India SJKT apabila mereka memasuki sekolah menengah dipengaruhi oleh sikap tidak mengendahkan kepentingan bahasa Melayu kerana kekurangan motivasi. Peralihan bahasa penghantar di SJKT kepada bahasa Melayu di sekolah menengah ditambah pula dengan perbezaan sosiobudaya dan kekurangan motivasi mewujudkan halangan dalam penguasaan bahasa Melayu murid India (MITRA, 2017). Sikap negatif dalam menguasai bahasa Melayu hanya akan mengurangkan keberkesanan proses penguasaan bahasa Melayu. Tokoh negara Tan Sri Lee Lam Thye (2008), turut menyuarakan kebimbangan beliau apabila fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kian terhakis dalam kalangan bukan murid-murid bukan Melayu disebabkan sikap rakyat Malaysia termasuk dalam kalangan orang Melayu sendiri. Murid India dari SJKT ini mengalami perubahan dari aspek persekitaran, budaya, suasana dan bahasa pengantar di sekolah. Persoalannya adakah faktor-faktor yang menyumbang kepada faktor penguasaan bahasa Melayu memainkan peranan dalam membentuk sikap pelajar? Kelainan suasana, persekitaran, sosiobudaya dan suasana di sekolah

(Wathins, 2013; Qinn, 2014) menghalang penguasaan dan pembelajaran bahasa kedua itu. Keciciran murid di sekolah menengah dikaitkan dengan masa depan yang gelap, konsep sendiri yang lemah, dan kurangnya motivasi. Maka kajian yang lebih mendalam tentang sikap diperlukan agar elemen sikap yang dominan dapat dikenal pasti bagi merangka intervensi pendidikan dan bimbingan yang sesuai untuk membantu murid yang menghadapi masalah ini. Malahan perbandingan antara data kuantitatif dan kualitatif membantu membentuk interpretasi yang lebih mendalam dan memberikan konteks yang lebih komprehensif.

Kadar murid gagal dalam peperiksaan utama di sekolah menengah iaitu PT3 menunjukkan pola peningkatan dalam kadar murid India. Terdapat pelbagai faktor menyebabkan murid India gagal dalam peperiksaan bahasa Melayu (Gandhi Mathi, 2019). Antara faktornya ialah sikap dan motivasi negatif murid dalam mempelajari serta menguasai bahasa Melayu di sekolah menengah. Jadual 1.2 menunjukkan analisis bilangan murid lulus yang dilakukan unit peperiksaan sekolah bagi peperiksaan PT3 bagi murid-murid tingkatan 3 bagi subjek Bahasa Melayu. Jadual 1.3 menunjukkan analisis bilangan peratusan murid India yang gagal dalam peperiksaan PT3 dalam subjek bahasa Melayu untuk keputusan PT3 enam sekolah bagi 2017, 2018, 2019 dan 2020.

Jadual 1.2: Peratusan Murid Gagal dalam Peperiksaan PT3 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Tahun	Sekolah	Sekolah	Sekolah	Sekolah	Sekolah	Sekolah
	1	2	3	4	5	6
2017	11.32	14.42	13.0	6.45	18.26	12.89
2018	13.49	14.06	11.21	7.34	21.12	14.98
2019	15.67	14.56	12.02	8.51	18.23	15.12
2020	12.37	15.32	12.98	10.23	16.71	13.87

Jadual 1.3: Bilangan Murid India yang Gagal dalam Peperiksaan PT3 bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Tahun	Sekolah	Sekolah	Sekolah	Sekolah	Sekolah	Sekolah
	1	2	3	4	5	6
2017	7	15	13	6	12	13
2018	10	12	11	7	13	11
2019	11	11	10	8	16	14
2020	16	12	14	10	17	13

(Sumber:Unit Penilaian dan Peperiksaan Sekolah)

Pola murid India yang gagal dalam peperiksaan bahasa Melayu semakin meningkat kerana terdapat beberapa sekolah mencatatkan bilangan yang semakin tinggi bagi murid India yang gagal dalam kertas PT3 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Laporan *Post-mortem* oleh pihak sekolah menunjukkan sikap negatif dan motivasi murid-murid yang rendah dalam penguasaan bahasa Melayu menyebabkan penguasaan bahasa dalam kalangan murid-murid India berada pada tahap yang rendah. Namun begitu,

analisis yang dilaporkan dalam laporan itu hanya menyentuh aspek sikap dan motivasi yang negatif dalam kalangan murid-murid bahasa kedua. Persoalannya sejauh manakah sikap, motivasi dan minat yang positif dalam diri murid-murid India dikaji agar dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam diri mereka. Bertitik-tolak daripada kenyataan ini, maka satu kajian tentang sikap dan motivasi yang positif dalam kalangan murid-murid India yang berasal dari SJKT perlu dikaji untuk mendapatkan jalan penyelesaian masalah ini kerana dikhuatiri isu ini akan membelenggu dunia pendidikan Malaysia jika kita sentiasa mencari sikap dan motivasi negatif dalam murid India. Kelompongan tidak menganalisis secara mendalam terhadap konteks sekolah dan komuniti yang baharu tidak memberi gambaran yang lebih menyeluruh mengenai sikap murid terhadap bahasa Melayu. Penyelidikan yang lebih mendalam perlu dijalankan agar dapat menyediakan asas untuk membangunkan strategi pembelajaran yang lebih berkesan dan relevan termasuk kaedah pengajaran yang sesuai dengan keperluan dan konteks mereka. Penyelidikan ini penting supaya strategik pembelajaran bahasa kedua dengan lebih berkesan dan relevan dapat dibangunkan termasuk penerapan kaedah pengajaran yang sesuai dengan keperluan dan konteks mereka. Tanpa pemahaman yang mendalam tentang elemen sikap, motivasi yang dominan dan faktor minat dalam bahasa Melayu maka usaha untuk meningkatkan hasil pembelajaran mereka mungkin tidak mencapai kejayaan yang diinginkan.

Pendidikan kini tidak dapat melahirkan murid-murid yang menghargai dan berasa bangga akan bahasa Melayu. Hal ini bertentangan dengan matlamat

pengajaran bahasa Melayu yang menekankan aspek penguasaan bahasa Melayu yang bermutu dalam kalangan pelajar. Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid di sekolah adalah lemah sehingga menyebabkan kemerosotan peratusan murid-murid yang lulus dalam peperiksaan bahasa Melayu dan hal ini jelas mengundang kebimbangan dan menggamit perhatian banyak pihak. Antara masalah pendidikan yang sering mendapat perhatian semua pihak ialah keciciran murid India di sekolah menengah dan kajian Yayasan Strategik Sosial (2010) membuktikan sebanyak 12500 orang atau daripada 269,985 murid India dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Hal ini bermakna berlaku keciciran dalam kalangan murid India apabila melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah iaitu seramai 39,680 atau 26.3%. Rohana Yusuf (2010), murid-murid yang keciciran daripada persekolahan selalu dikaitkan dengan masa depan yang gelap dan hal ini menyebabkan konsep sendiri serta motivasi dalaman murid rendah. Hal ini menyebabkan murid-murid sentiasa terbawa-bawa dengan persepsi negatif terhadap keupayaan dirinya dalam menguasai bahasa kedua. Oleh hal yang demikian, penyelidik berpendapat kajian yang lebih mendalam untuk mengenal pasti elemen motivasi diperlukan agar strategik dalam meningkatkan penghayatan dan kebanggaan murid terhadap bahasa Melayu, selaras dengan matlamat pengajaran yang menekankan penguasaan bahasa yang berkualiti dapat dirangka.

Kelemahan seseorang murid dalam menguasai bahasa Melayu adalah dipengaruhi oleh sikap dan motivasi (Zubir, 2019). Elemen ini merupakan dua mekanisme yang saling berkaitan dan mendorong murid berminat dalam

pembelajaran bahasa Melayu. Kajian Abdullah (2004), terdapat hubungan yang sikap serta motivasi murid terhadap penguasaan bahasa Melayu. Sekiranya seseorang murid itu tidak berminat untuk mempelajari bahasa Melayu, maka motivasinya dalam mempelajari bahasa itu menjadi rendah. Hal ini menyebabkan pencapaian dalam murid-murid dalam peperiksaan merosot. Hal ini turut diperakui oleh Gardner & Lambert (1972) dalam Budiawan (2008), yang menyatakan sikap ini mendorong elemen motivasi yang terbahagi kepada dua iaitu motivasi integratif dan instrumental. Murid yang mempunyai motivasi integratif dan instrumental yang tinggi mudah mempelajari bahasa kedua. Namun begitu, apakah elemen dominan dalam motivasi yang dapat mempengaruhi murid India menguasai bahasa Melayu. Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen yang dominan dalam motivasi ini dalam konteks penguasaan bahasa Melayu. Kajian ini dapat memberi gambaran yang lebih mendalam dan penyelesaian yang relevan untuk mengatasi kelemahan dalam penguasaan bahasa Melayu, serta meningkatkan keberkesanan penguasaan bahasa murid. Maka keberkesanan elemen motivasi iaitu elemen integratif dan instrumental yang dikemukakan oleh Gardner yang boleh diaplikasikan dalam konteks penguasaan bahasa Melayu perlu dikaji dengan mendalam agar membantu penguasaan bahasa Melayu murid.

Laporan yang dikeluarkan oleh Yayasan Strategik Sosial pada 2004 iaitu sebuah badan pemikir MIC telah menganggarkan kira-kira 39680 pelajar atau 26.5% murid lepasan SJKT tercicir daripada sekolah menengah. Sebanyak 13% atau kira-kira 1,000 orang daripada jumlah keciciran secara keseluruhan

di sekolah rendah. Bagi sekolah menengah, kadar tersebut adalah lebih tinggi iaitu seramai 4,300 orang murid-murid tercicir meskipun pelbagai usaha yang serius telah dilaksanakan untuk mengurangkan jumlah keciciran ini. Antara punca yang dikenal pasti dalam laporan itu ialah masalah transisi bahasa pengantar. Murid India di sekolah menengah dikatakan tidak menguasai bahasa Melayu seterusnya gagal menguasai subjek-subjek lain kerana guru menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Suthanthiradevi (2004), dalam kajian Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid-Murid India menyatakan bahawa murid-murid India lemah dalam penguasaan bahasa Melayu terutamanya dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu itu. Hal ini demikian kerana faktor minat dan kecenderungan murid-murid adalah rendah apabila menggunakan bahasa Melayu dan hal ini membimbangkan pelbagai pihak terutamanya pihak sekolah. Dengan kata lain, minat terhadap bahasa ibunda dikatakan sangat kukuh dalam kalangan murid-murid yang menganggap bahasa ibunda mereka ini perlu digunakan selalu sehingga penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka menjadi rendah. Justeru itu, kesan konkrit perubahan bahasa pengantar terhadap sikap, minat belajar, dan motivasi murid India di sekolah menengah perlu dikaji dengan mendalam bagi meningkatkan pemahaman tentang kesan peralihan bahasa pengantar dan faktor-faktor yang mempengaruhi minat murid India di sekolah menengah supaya jalan penyelesaian yang lebih berkesan dapat dikenal pasti dan dilaksanakan berdasarkan faktor yang mendorong minat mereka.

Ramai murid India gagal menguasai bahasa dan hal ini turut diperakui Krishnan (2014), menyatakan remaja India tidak sepatutnya gagal menguasai bahasa Melayu kerana mendapat pendidikan formal mereka sejak di sekolah rendah. Murid-murid India yang kebanyakannya dari kawasan bandar menggunakan banyak bahasa ibunda, iaitu bahasa Tamil dan Inggeris semasa berkomunikasi. Pencapaian akademik yang melibatkan kemahiran menulis menunjukkan dalam peringkat sederhana dan lebih 20% daripada murid-murid India adalah lemah dalam penguasaan bahasa Melayu. Uthaya Shankar (2015) dalam *The Malaysian Insider* menyatakan bahawa murid-murid yang mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR merosot dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan kenyataan ini sukar untuk dipercayai kerana murid-murid ini pernah cemerlang namun kini tidak dapat menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu. Apabila murid-murid ini memasuki SMK ada dalam kalangan mereka yang terlibat dengan kes disiplin seperti meniru semasa peperiksaan dan kesalahan berat sehingga dikenakan tindakan tatatertib. Justeru, kajian lanjut diperlukan untuk mengenal pasti elemen yang dominan dalam tiga aspek ini bagi merumuskan jalan penyelesaian boleh dirangka dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan memastikan kejayaan akademik mereka di samping mengurangkan kejadian salah laku disiplin.

Jabatan Statistik Malaysia pada 2016 telah mengukuhkan kenyataan ini apabila murid-murid etnik India dikatakan mempunyai peratusan tertinggi sebagai golongan berpendapatan rendah iaitu "*Bottom 40*" (B40), iaitu sebanyak 17.5% lebih tinggi berbanding dengan kaum lain. Kadar

pengangguran dalam golongan India adalah tinggi berbanding dengan murid-murid etnik yang lain. Etnik India merekodkan kadar pengangguran paling tinggi iaitu sebanyak 4.7% manakala etnik Bumiputera merekodkan 4% dan etnik Cina 2.4%. Dalam Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia yang dilancarkan pada 2018 murid-murid India dari SJKT dikatakan menghadapi masalah dari segi bahasa dan menyesuaikan diri apabila mereka berada di sekolah menengah walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa penghantar di sekolah. Prestasi murid-murid India Malaysia adalah jauh lebih rendah daripada prestasi purata kebangsaan kerana hanya 54% daripada murid-murid India yang lulus dalam semua mata pelajaran semasa peperiksaan UPSR dijalankan pada 2015 berbanding dengan jumlah 66% kelulusan pada peringkat kebangsaan. Seterusnya bagi peperiksaan SPM pula, hanya 44% murid-murid India yang berjaya lulus dalam peperiksaan SPM dengan 55% pada peringkat kebangsaan. Sokongan guru, rakan dan keluarga memainkan peranan penting dalam prestasi akademik. Apakah faktor yang dominan dalam mempengaruhi minat menguasai bahasa Melayu? Maka satu kajian untuk mengenal pasti faktor dominan dalam minat perlu dilakukan kerana kekurangan penyelidikan yang khusus untuk faktor minat boleh memberikan kesulitan dalam memahami dengan lebih mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu mereka. Beberapa kajian lepas menekankan faktor sosioekonomi tanpa memberikan penekanan yang mencukupi pada faktor-faktor lain seperti pengaruh guru, rakan, sokongan keluarga dan persekitaran baharu. Maka penyelidikan yang lebih mendalam untuk mengenal pasti faktor yang dapat mendorong murid India berminat dalam penguasaan bahasa perlu dijalankan agar program intervensi yang

beresuaian dapat dirangka berdasarkan analisis penyelidikan ini. Jika kajian yang mendalam tidak dijalankan maka pencapaian akademik akan terus berada di peringkat rendah dan boleh mengehadkan peluang ke universiti, kerjaya dan mobiliti sosial secara keseluruhan.

Kajian Nora' Azian Zahar 2018 menunjukkan bahawa murid India hanya menguasai tahap sederhana dalam pertuturan formal. Ketika menyampaikan mesej, murid India didapati menggunakan bahasa kolokial atau bahasa pasar. Murid mengalami kesukaran dalam bertutur dan menguasai leksikal bahasa Melayu. Dapatan ini turut menyokong dapatan Jeyagobi (2011) dan murid India yang mendapat pendidikan awalnya di SJKT dikatakan tidak dapat memenuhi keperluan berkomunikasi dan mempunyai penguasaan kosa kata yang terbatas. Hal ini menyebabkan ada dalam kalangan mereka yang kurang bermotivasi dalam menggunakan bahasa Melayu untuk tujuan peperiksaan semata-mata. Kajian sedia ada tidak memberikan pemahaman yang mencukupi tentang motivasi yang positif dalam mempengaruhi tahap pertuturan formal murid-murid India. Oleh itu, kelompongan ini memerlukan penelitian lebih lanjut untuk mengenal pasti motivasi yang mendorong penguasaan bahasa Melayu murid-murid India. Kajian sebelum ini tidak memerincikan jenis motivasi yang dominan dalam murid-murid India untuk menggunakan bahasa Melayu. Penelitian selanjutnya ini dapat menyoroti motivasi murid berdasarkan persekitaran yang baharu agar membolehkan penguasaan bahasa Melayu adalah baik.

Kajian Puvaneswari Ganesan pada 2021, menyatakan murid India yang mempunyai motivasi yang rendah sehingga mengakibatkan masalah mempelajari bahasa kedua timbul. Hal ini demikian kerana wujudnya perbezaan gaya penggunaan bahasa pertama dan kedua dalam komunikasi. Para murid yang mempunyai sikap positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi berjaya menguasai bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya. Apakah elemen sikap positif dan motivasi untuk belajar dapat mempengaruhi keberhasilan murid India dalam menguasai Bahasa Melayu? Adalah wajar kajian tentang sikap dan motivasi murid India dari sekolah jenis Tamil di tingkatan 1 terhadap penguasaan bahasa Melayu dijalankan bagi meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam bahasa Melayu agar mereka tidak mempunyai masalah dalam mendalami bahasa Melayu yang berperanan sebagai bahasa kebangsaan. Kajian tentang sikap dan motivasi telah dijalankan oleh ramai penyelidik akan tetapi kajian yang ada belum merangkumi aspek-aspek yang dominan dalam elemen sikap, motivasi dan minat dalam penguasaan bahasa kedua yang menyumbang kepada kesulitan murid India dalam mempelajari Bahasa Melayu. Malahan kajian yang ada sebelum ini, tidak menyediakan strategi penambahbaikan yang konkrit. Penelitian lanjutan boleh membantu menentukan langkah-langkah yang efektif untuk meningkatkan prestasi Bahasa Melayu. Dengan merangkumi kelompokan-kelompokan ini, kajian ini dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang aspek-aspek ini dalam penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid India di sekolah jenis Tamil agar dasar untuk pembangunan program-program yang lebih berkesan untuk meningkatkan kemahiran bahasa mereka.

Berdasarkan statistik oleh Pertubuhan Science and Wellness (SWO) 2019, sekurang-kurangnya 4 daripada 10 orang murid India tercicir daripada persekolahan disebabkan pelbagai faktor dan salah satu faktornya ialah tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Laporan Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan terdapat perbezaan yang agak signifikan dalam pencapaian tahap pendidikan kaum India berbanding dengan kaum yang lain di Malaysia. Hal ini dibuktikan dengan laporan statistik yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam tahap pendidikan antara kaum India berbanding dengan kaum lain di Malaysia. Statistik menunjukkan bahawa 9% daripada belia India berumur 20-24 hanya mempunyai pendidikan rendah, berbanding dengan 6% dalam masyarakat Melayu dan 5% dalam masyarakat Cina. Jumlah ini amatlah tinggi berbanding populasi masyarakat India rendah iaitu hanya 2 juta orang di Malaysia (Laporan Perangkaan, 2017). Malahan, murid India mencatat 13% keciciran yang tinggi dengan kira-kira 1000 orang. Hal ini boleh menyebabkan ketidaksamaan sosial dalam masyarakat Malaysia, yang berpotensi membawa kepada peningkatan kemiskinan, pengangguran dan pergolakan sosial. Hal ini boleh menghalang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, menghakis daya saing serta berpotensi menjejaskan perpaduan sosial. Jelaslah, kajian-kajian yang lepas tidak memberikan penjelasan yang memadai atau analisis yang mendalam mengenai pengaruh faktor-faktor minat dalam situasi atau persekitaran yang baharu. Maka kajian lanjut untuk mengenal pasti faktor yang mendorong minat perlu dikaji kerana murid-murid India dari SJKT ini berada dalam satu situasi yang baharu dan kegagalan dalam penguasaan bahasa kedua akan menjejaskan kemampuan murid untuk menguasai bahasa Melayu.

Dayang dan Wan Munna (2016) dalam kajian mereka mendapati terdapat faktor-faktor yang menyebabkan kesukaran dalam menguasai bahasa kedua, khususnya Bahasa Melayu, oleh murid-murid. Kegagalan dalam penguasaan bahasa kedua tidak hanya merugikan dalam peperiksaan subjek tersebut, tetapi juga boleh mengehadkan kemampuan murid untuk berkomunikasi pada masa hadapan. Apakah faktor yang menjadi penentu dalam penguasaan bahasa Melayu murid India dalam satu persekitaran pembelajaran bahasa yang baharu. Dalam konteks kajian ini, beberapa faktor sosial dikenal pasti sebagai penentu utama penguasaan bahasa Melayu iaitu faktor motivasi, sikap dan persekitaran. Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang lain yang turut mendorong minat murid bahasa kedua terutamanya murid India apabila melangkah ke sekolah menengah. Bagaimana faktor-faktor ini membantu meningkatkan minat penguasaan bahasa di sekolah menengah? Oleh itu, dengan mengenal pasti faktor-faktor tersebut, kajian ini diharap dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang dinamika pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid India bagi membantu guru dan pihak pentadbir sekolah dalam merangka strategi pembelajaran yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan pelajar.

Anggapan Bahasa Melayu merupakan antara subjek yang sukar dikuasai dan antara mata pelajaran yang kurang penting untuk dikuasai menjadi cabaran utama kepada murid India menguasai bahasa Melayu. Hal ini dibuktikan dalam laporan Unit Peperiksaan dan penilaian di beberapa sekolah yang dijalankan kajian ini dan murid India SJKT sering kali gagal dalam subjek bahasa Melayu. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan murid-murid ini tidak mendapat

markah yang cemerlang. Analisis keputusan peperiksaan PT3 menunjukkan peratusan murid-murid India gagal dalam subjek bahasa Melayu meningkat pada tahun 2019 berbanding dengan 2018 iaitu sebanyak 0.21%. Hasil analisis *Post Mortem* yang diadakan untuk menganalisis keputusan peperiksaan, mengenal pasti kelemahan dan puncanya untuk menentukan strategi penambahbaikan. Dalam laporan berkenaan murid-murid India dikatakan tidak mempunyai sikap positif dalam mempelajari bahasa. Mereka dikatakan mencampur aduk bahasa Cina atau bahasa Inggeris keadaan yang boleh dikategorikan sebagai tidak boleh berbahasa Melayu langsung. Terdapat juga murid yang tidak mempunyai minat kerana merasakan mereka tiada masalah jika gagal mata pelajaran berkenaan kerana masih mampu bersekolah di institusi persendirian atau swasta. Terdapat anggapan murid-murid bahawa bahasa Melayu ialah subjek yang sukar dikuasai dan menganggapnya sebagai mata pelajaran tidak penting untuk dipelajari menjadi cabaran utama kepada guru subjek berkenaan di sekolah. Malahan ibu bapa yang tidak begitu ambil kisah tentang memberi tekanan dalam bahasa kebangsaan. Persoalannya adakah hanya ibu bapa sahaja yang memainkan peranan dalam minat penguasaan bahasa Melayu? Oleh itu, penyelidikan yang lebih mendalam seperti kajian ini perlu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada minat dalam menguasai bahasa Melayu serta merumuskan strategi penambahbaikan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

Kajian tentang penguasaan bahasa kedua telah banyak dijalankan secara meluas di Malaysia dan di luar negara. Walau bagaimanapun, kajian-kajian itu

masih tidak jelas untuk memberi gambaran keseluruhan penguasaan bahasa Melayu murid-murid India SJKT ketika berada di persekitaraan bahasa yang baharu iaitu di sekolah menengah. Kajian yang lebih fokus perlu dijalankan untuk mengenal pasti sikap lebih mendalam dalam kalangan murid dari SJKT. Kajian yang dijalankan sebelum ini lebih mengkaji isu atau masalah murid di sekolah rendah namun kurang kajian yang mengenal pasti sikap, motivasi dan minat mereka setelah murid ini memasuki tingkatan 1 yang dijalankan. Hal ini demikian kerana murid-murid ini mengalami perbezaan dari aspek persekitaran, situasi, bahasa pengantar dan rakan-rakan mereka yang dahulunya terdiri daripada kaum yang sama tetapi kini terdiri daripada berbilang kaum. Oleh itu, kajian ini perlu bagi mengenal pasti kepentingan menguasai bahasa kebangsaan dan tidak tercicir daripada sistem persekolahan sehingga menyebabkan kadar jenayah dalam kalangan masyarakat India meningkat. Jelaslah, kajian yang lebih sistematik dan bersepadu untuk mengenal pasti faktor-faktor minat perlu dijalankan agar dapat membantu KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) dalam merangka program-program atau aktiviti-aktiviti dalam meningkatkan bilangan murid SJKT lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini sekaligus dapat membantu dalam memupuk minat murid-murid India menguasai bahasa Melayu walaupun berada dalam persekitaran yang berbeza. Kajian yang lebih mendalam wajar dijalankan agar memupuk perasaan cinta akan bahasa kebangsaan sejak peringkat sekolah rendah lagi. Jika perkara ini tidak diambil serius, berkemungkinan besar bilangan murid-murid India yang gagal menguasai bahasa Melayu akan terus meningkat. Kajian tentang elemen sikap, motivasi dan minat terhadap penguasaan

terhadap bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKT di sekolah menengah kurang didokumentasikan, maka kajian ini perlu bagi meningkatkan sikap dan motivasi murid-murid India ini di sekolah menengah. Hal ini penting agar faktor yang dapat meningkatkan minat murid terhadap penguasaan bahasa Melayu dapat dikenal pasti dan guru dapat merancang strategik pengajaran dengan lebih baik berdasarkan minat murid.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti elemen sikap yang dominan dari aspek afektif, kognitif dan konatif dalam penguasaan bahasa Melayu murid SJKT di tingkatan 1.
- ii. Menganalisis elemen yang dominan antara motivasi instrumental atau integratif dalam penguasaan bahasa.
- iii. Menghuraikan faktor yang meningkatkan minat bahasa di tingkatan 1 dalam persekitaran yang baharu.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian dikemukakan bagi menentukan objektif kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik. Kajian ini akan menjawab persoalan seperti yang berikut :

- 1) Apakah elemen sikap murid dari aspek kognitif, afektif dan konatif dalam penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar India SJKT di tingkatan 1?

- 2) Apakah faktor motivasi yang dominan antara motivasi instrumental atau integratif mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid India SJKT di tingkatan 1?
- 3) Apakah faktor minat murid India tingkatan 1 SJKT dalam mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu dalam persekitaran yang baharu?

1.6 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan terbatas kepada beberapa aspek penting iaitu tempat kajian, bilangan murid dan skop kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Penyelidik menjalankan kajian di enam buah sekolah menengah sekitar Negeri Sembilan (NS) dengan mengambil kira faktor kos dan batasan geografi dengan hanya menjalankan kajian di enam buah sekolah menengah di daerah Seremban. Sampel kajian terbatas kepada 180 orang murid-murid India di tingkatan satu yang menerima pendidikan awal mereka di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Pemilihan kumpulan murid India yang berpendidikan rendah di tingkatan satu menjadi fokus yang khusus dan mendalam kerana konteks pembelajaran bahasa dipengaruhi persekitaran baharu. Sekolah-sekolah yang dipilih ialah sekolah-sekolah yang menjadi pilihan utama murid-murid SJKT semasa mengikuti pendidikan di sekolah menengah dan mempunyai populasi murid-murid India yang banyak. Sekolah-sekolah ini berada di sekitar daerah Seremban dan dipilih oleh penyelidik kerana pencapaian keputusan peperiksaan SPM bagi Negeri Sembilan adalah pada

tahap kedua tinggi negara berbanding negeri-negeri lain bagi tahun 2018-2020.

Jadual 1.4: Gred Purata Negeri (GPN) bagi SPM

Tahun	Indeks GPN
2020	4.58
2019	4.67
2018	4.71

[Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS)]

Borang kaji selidik digunakan untuk mendapatkan data berkenaan sikap dan motivasi. Borang kaji selidik diedarkan di enam buah sekolah untuk mendapatkan data tentang objektif kajian. Soalan-soalan yang diberikan adalah menggunakan Skala Likert 5 mata yang telah diadaptasi dan dibangunkan daripada Model Gardner Attitude/Motivation Test Battery (AMTB) Gardner dan Rohaidah (2010). Batasan kajian juga melibatkan kaedah atau instrumen yang digunakan oleh penyelidik. Penyelidik menggunakan kaedah dalam bentuk '*closed-ended question*' dan responden diminta untuk membuat pilihan daripada senarai jawapan yang telah disediakan oleh penyelidik. Kajian ini hanya terbatas kepada kajian sikap murid-murid dari aspek kognitif, afektif dan konatif. Kajian ini juga dikaji dari aspek motivasi instrumental dan integratif dalam penguasaan bahasa Melayu. Kajian ini hanya memfokuskan kepada murid tingkatan satu, dan hasilnya mungkin mencerminkan perubahan sikap, motivasi, atau minat dalam jangka waktu yang lebih lama. Penyelidik tidak mengambil kira faktor jantina dalam kajian ini. Penyelidik menggunakan

borang kaji selidik untuk mengenal pasti sikap dan motivasi. Borang soal selidik mempunyai batasan dalam mengemukakan soalan dan pilihan jawapan yang mungkin tidak dapat memperincikan semua kerumitan sikap, motivasi dan minat. Untuk mengatasi masalah ini penyelidik menggunakan kaedah *FGD* untuk mendapatkan maklumat bagi elemen yang mempengaruhi minat murid-murid.

1.7 Kepentingan Kajian

Bahasa Melayu menjadi tunjang atau nadi dalam penyatuan masyarakat majmuk di negara ini. Harun (1966) di negara Malaysia, bahasa pengantar ialah bahasa Melayu dan digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan seperti fizik, kimia, kejuruteraan, perubatan, ekonomi, undang-undang, kesusasteraan dan agama. Sebagai rakyat Malaysia, khususnya murid-murid harus menggunakan bahasa Melayu untuk memartabatkan bahasa ini dengan fasih dan menjiwai bahasa Melayu sebagai perantara komunikasi ilmu, perpaduan, kebudayaan dan yang penting sebagai bahasa pertuturan yang asas bagi bangsa Malaysia.

Dengan mengumpul data empirikal tentang sikap, motivasi dan minat murid India dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, kajian ini dapat menyediakan bukti konkrit yang diperlukan untuk menyokong hujah dan cadangan penambahbaikan. Data empirikal membuka peluang untuk menganalisis data kajian menggunakan dua pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Hal ini akan mengukuhkan penemuan teori dan menyediakan asas untuk langkah

praktikal. Maka pelbagai pendekatan dirancang untuk mengurangkan angka murid-murid India gagal dalam subjek bahasa Melayu ini. Melalui pelbagai pendekatan yang dirancang akan mengurangkan angka kegagalan murid-murid India dalam subjek Bahasa Melayu dan meningkatkan prestasi akademik serta pengalaman pendidikan mereka secara keseluruhan. Pencapaian dalam sesuatu ilmu atau kemahiran murid-murid diukur menggunakan gred, skor mentah, dan pangkat untuk subjek atau keseluruhan kursus (Hafizah, 2015). Maka kajian penyelidik ini diperlukan untuk mengenal pasti pendekatan yang sesuai bagi memupuk sikap dan meningkatkan motivasi murid India yang menerima pendidikan awal dari SJKT ini agar berminat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hal ini akan menyebabkan pencapaian yang rendah dalam kalangan murid India di negara meningkat kerana menghadapi kesukaran untuk memperoleh pekerjaan yang baik.

Kajian ini penting kerana memperkenalkan dimensi persekitaran baharu murid tingkatan 1 dalam penguasaan bahasa dengan menekankan isu sosial. Kajian ini dapat memberi gambaran tentang penambahbaikan dalam penguasaan bahasa Melayu dalam mengurangkan masalah sosial iaitu keciciran daripada persekolahan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Kajian ini dijangka mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan murid India sekaligus mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan murid-murid India. Rohana Yusuf (2010), menyatakan murid-murid yang keciciran persekolahan selalu dikaitkan dengan masa depan yang gelap. Masalah pencapaian yang rendah berlanjutan sehingga murid menduduki SPM dan gagal. Akibat kemerosotan pencapaian ini menyebabkan konsep

kendiri dan motivasi dalaman murid rendah dan mereka terbawa-bawa dengan persepsi negatif sehingga mengugat keupayaan diri (Gunasekeran, 2013). Maka kajian ini penting bagi meningkatkan motivasi dalam diri murid India agar tidak membawa persepsi negatif tentang diri dan bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan meningkatkan lagi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah dalam kalangan murid-murid India. Kajian ini dijangka dapat memberikan sumbangan signifikan dalam mengurangkan masalah sosial, terutamanya keciciran daripada persekolahan. Malahan dengan meningkatkan kecekapan bahasa Melayu, diharapkan murid-murid dapat lebih terlibat dalam proses pembelajaran dan masyarakat, mengurangkan kadar keciciran. Kajian ini berpotensi mengurangkan kadar keciciran, yang berkait rapat dengan isu jenayah dan pencapaian rendah. Dengan memberi penekanan kepada penguasaan bahasa, murid-murid dapat menghadapi masa depan dengan lebih positif, mengurangkan risiko terlibat dalam jenayah. Data kajian yang diperoleh membantu memantapkan teori-teori yang dinyatakan dalam kajian ini. Fakta dan statistik yang dikumpul dapat menyokong hujah penyelidikan, memberi keberkesanan dan kepercayaan kepada temuan kajian. Data berdasarkan kajian ini memberikan asas yang kukuh untuk merangka langkah-langkah praktikal dan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pemahaman mendalam terhadap sikap, motivasi dan faktor yang mengalakkan minat penguasaan bahasa Melayu murid melalui data empirikal membolehkan penyelidik mencadangkan langkah-langkah yang lebih tepat dan berkesan dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Melalui analisis dapatan kajian ini juga akan memberikan pandangan tentang

kesesuaian pendekatan pendidikan berdasarkan keperluan dan ciri-ciri murid India dalam penguasaan Bahasa Melayu. Hal ini memberikan asas untuk strategi pendidikan yang lebih berkesan. Secara keseluruhan, kepelbagaian kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini memberikan pandangan yang holistik dan menyeluruh terhadap isu-isu yang dikaji. Bukan itu sahaja, memperkaya pemahaman tentang pengaruh faktor-faktor psikososial terhadap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid India.

Kajian ini penting daripada segi teoritikal kerana menyumbang kepada pemahaman tentang peranan bahasa Melayu dalam penyatuan masyarakat majmuk di Malaysia. Melalui landasan teori, kajian ini membuktikan bahasa Melayu bukan hanya sebagai medium komunikasi tetapi juga sebagai elemen penting dalam pemupukan nilai perpaduan, identiti kebangsaan, dan kebudayaan. Perasaan cinta akan bahasa kebangsaan dan kepentingan menguasai bahasa Melayu dalam kalangan anak-anak dapat dipertingkatkan. Murid-murid dapat mengubah sikap mahupun persepsi mereka terhadap bahasa Melayu dan lebih berminat dalam menguasai bahasa rasmi negara. Murid-murid perlu bertutur menggunakan bahasa Melayu bersama-sama rakan-rakan mereka walaupun dalam konteks persekitaran baharu dengan menjadi lebih aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam bilik darjah. Kajian ini juga penting untuk mengubah persepsi murid terhadap bahasa Melayu yang mempelajari untuk tujuan peperiksaan semata-mata tetapi sebagai alat komunikasi. Kajian ini membentuk landasan bagi penyelidikan masa depan dalam bidang penguasaan Bahasa Melayu dalam murid bahasa kedua. Secara teoritikal, kajian ini dapat menjadi panduan bagi

penyelidik-penyelidik akan datang dalam merancang dan melaksanakan kajian-kajian yang berkaitan dengan penguasaan bahasa kedua.

Dengan adanya kajian ini, guru bahasa Melayu dapat mengenal pasti dapat elemen sikap pelajar dari aspek kognitif, afektif dan konatif. Malahan faktor-faktor motivasi dikenal pasti bagi membantu guru membimbing murid-murid menguasai bahasa Melayu dengan baik. Guru juga berperanan memberikan dorongan dan semangat kepada murid-murid dari SJKT untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Dorongan guru dapat memotivasikan murid-murid India serta menanam minat mempelajari bahasa Melayu dan mengubah persepsi negatif mereka terhadap penguasaan bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, guru dapat menyediakan pelbagai aktiviti dan program untuk menarik minat murid-murid India ini agar menguasai bahasa Melayu dengan baik sejak awal persekolahan lagi iaitu sejak dari darjah satu lagi. Para guru dapat menerapkan strategi pembelajaran bahasa yang berkesan dalam kalangan murid-murid SJK agar proses pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih efektif, dinamik dan menyeronokkan (Faizah Abd. Manan, 2010). Yong dan Vijayaletchumy (2012) dalam kajian, strategik pembelajaran bahasa yang digunakan oleh murid dalam penguasaan bahasa khususnya bahasa Melayu supaya guru dapat merancang sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik dan efektif.

Dapatan kajian oleh penyelidik dijangka dapat memberi panduan kepada pihak sekolah dalam mengambil inisiatif untuk membantu murid bukan Melayu menguasai bahasa Melayu. Selaras itu, sekolah juga dapat meningkatkan

motivasi dan minat murid India dalam mempelajari bahasa Melayu dengan merangka program mahupun aktiviti yang membentuk minat dan sikap mereka. Secara tidak langsung murid-murid India sedar tentang keistimewaan bahasa Melayu melalui program mahupun aktiviti kebahasaan yang sesuai dengan penutur bahasa kedua ini. Dapatan kajian ini perlu bagi meningkatkan prestasi murid dalam penguasaan bahasa Melayu. Melalui dapatan kajian ini juga, pihak sekolah dapat memastikan guru-guru dapat melengkapkan diri agar proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam kelas berjalan dengan baik. Pelbagai aktiviti dari segi ejaan, tatabahasa, sebutan dan sintaksis boleh dirangka agar penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah dapat ditingkatkan. Dapatan kajian ini perlu agar dapat membantu ibu bapa murid-murid berketurunan India agar mendorong anak-anak mereka menguasai bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu sejak kanak-kanak lagi. Dapatan kajian ini juga membantu ibu bapa mereka agar sedar akan kepentingan anak-anak mereka menguasai bahasa Melayu dan menggalakkan mereka mempelajari bahasa Melayu. Ibu bapa berperanan mendorong anak-anak mereka supaya mempunyai motivasi dalam mempelajari bahasa Melayu melalui persekitaran, bahan bacaan dan penggunaan teknologi maklumat dalam penguasaan bahasa Melayu. Dorongan ibu bapa penutur bahasa kedua akan membolehkan anak-anak mereka berminat mempelajari bahasa Melayu.

Kajian ini memberi sumbangan praktikal dengan mencadangkan pendekatan dan strategi untuk meningkatkan pencapaian murid India dalam bahasa Melayu. Implikasi praktikal termasuk program intervensi di sekolah, peranan

ibu bapa, dan strategi pengajaran yang boleh diguna pakai oleh guru. Hasil kajian ini dapat membantu pengurusan pendidikan untuk merangka program yang akan meningkatkan sikap, minat dan motivasi pelajar India menguasai bahasa Melayu dari sekolah rendah lagi. Kajian ini juga dapat meningkatkan kemahiran pedagogi dan dalam kalangan guru-guru terhadap keperluan khas murid India. Kompetensi dalam penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid India dari SJKT ini perlu dikesan dan program-program dirangka agar mereka meminati bahasa Melayu dan menguasai bahasa Melayu dengan baik. Dapatan kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak berkaitan seperti JPN mahupun KPM untuk merangka kursus dan bengkel untuk guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan dan sekolah menengah. Program-program intervensi oleh KPM termasuk teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, pengurusan bilik darjah yang inklusif serta strategi dapat dirangka agar meningkatkan prestasi pelajar India dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Elemen yang Dominan

Elemen merupakan sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur. Dalam konteks penguasaan bahasa, definisi operasional untuk elemen dapat merujuk pada cara-cara khusus untuk mengukur atau menilai kemahiran atau penguasaan tertentu dalam bahasa. Elemen boleh merujuk kepada pelbagai komponen atau aspek yang terlibat dalam proses mendapatkan atau menguasai bahasa (Saraswathy,2017). Dalam kajian ini,

elemen mewakili komponen atau elemen individu yang menyumbang kepada penguasaan bahasa tertentu.

Dominan pula ialah sesuatu yang berkuasa atau berpengaruh, mendapat tempat atau kedudukan yang tertinggi. Dominan dapat merujuk pada sesuatu yang sangat penting, signifikan, atau mendominasi situasi. Dalam konteks sosial atau hierarki, "dominan" dapat merujuk pada posisi atau individu yang memiliki keunggulan atau kekuasaan lebih tinggi daripada yang lain (Norhayati, 2017). Dalam konteks kajian ini, penyelidik akan mengkaji aspek yang dominan antara sikap, motivasi dan faktor minat dalam penguasaan bahasa Melayu murid-murid India berada dalam persekitaran baharu.

1.8.2 Sikap

Sikap merupakan tingkah laku, perangai dan akhlak seseorang dan sikap ini menggambarkan emosi kita. Sikap seseorang itu berubah disebabkan faktor perasaan, keadaan, situasi ataupun apa-apa yang tidak menyenangkan pemilik sikap itu. Sikap juga merupakan cara seseorang menempatkan atau membawa dirinya melalui jalan fikiran, dan perilaku (Rohaidah, 2012). Sikap ialah keadaan mental yang kompleks yang melibatkan keyakinan dan perasaan serta bertindak dengan cara yang tertentu. Hawkins dan Mothersbaugh (2010) pula menyatakan bahawa sikap memiliki tiga komponen iaitu kognitif (kepercayaan), afektif (perasaan), dan konatif (perilaku iaitu kecenderungan tanggapan). Schiffman dan Kanuk (2010), model sikap

terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu komponen kognitif, komponen afektif, dan komponen konatif.

1.8.2.1 Elemen Kognitif

Bahagian pertama sikap terdiri daripada kognitif seseorang iaitu pengetahuan dan persepsi yang diperoleh dengan gabungan pengalaman langsung dengan sikap dan maklumat berkaitan daripada pelbagai sumber. Sikap kognitif memainkan peranan penting dalam motivasi, penilaian diri, dan persepsi individu terhadap kemampuan mereka dalam mempelajari bahasa (Saraswathy dll, 2017). Pengetahuan dan persepsi ialah sikap yang dihasilkan secara amnya berbentuk kepercayaan iaitu murid-murid yang percaya bahawa sikap mempunyai pelbagai jenis atribut dan tingkah laku tertentu dalam menghasilkan sesuatu perilaku. Aspek kognitif ialah elemen yang merangkumi aktiviti mental (otak) dan mempunyai lima aspek. Aspek pertama ialah keyakinan seseorang terhadap kemampuan mereka dalam menguasai bahasa. Aspek kedua ialah sikap yang mempengaruhi tingkat motivasi seseorang yang memiliki keyakinan positif tentang kerelevanan dalam menguasai bahasa yang dipelajari untuk mengembangkan penguasaannya terhadap bahasa. Aspek ketiga ialah sikap kognitif mempengaruhi cara seseorang menilai kesulitan dalam menguasai bahasa dengan menggunakan pemikiran mereka bagi membuat penaaakulan terhadap maklumat yang diterima dan disimpan ke dalam memori (Basit et al., 2017). Seseorang yang percaya bahawa mereka dapat meningkatkan kemampuan bahasa melalui usaha dan latihan akan menggunakan strategi penguasaan yang efektif,

seperti berbicara dengan penutur asli, berlatih berbicara secara teratur dan memperdalam pemahaman tatabahasanya. Sikap kognitif juga dapat mempengaruhi ketekunan seseorang dalam menghadapi cabaran dalam penguasaan bahasa (Ting dll, 2023).

Dalam konteks kajian ini, elemen kognitif berorientasikan kebolehan berfikir yang terdiri daripada kebolehan intelek iaitu mengingat, kebolehan dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang memerlukan murid mengaitkan dan menggabungkan beberapa idea, kaedah atau prosedur yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah. Penyelidik dapat mengenal pasti keyakinan individu terhadap kebolehan diri dalam memahami, berkomunikasi, dan menggunakan Bahasa Melayu. Kajian ini penting untuk memberikan pandangan yang lebih terperinci mengenai persepsi, kepercayaan, dan stereotaip individu terhadap Bahasa Melayu yang kemudiannya dapat membantu merancang strategi atau intervensi pendidikan yang sesuai.

1.8.2.2 Elemen Afektif

Elemen afektif ialah elemen yang berkaitan dengan sikap dan nilai. Elemen afektif melibatkan perasaan atau reaksi emosi seseorang terhadap sesuatu perkara yang membentuk sikap positif atau negatif terhadap perkara itu (Kausalya, 2022). Reaksi emosi ini banyak ditentukan dengan kepercayaan terhadap perkara itu. Sebagai contoh, kepercayaan terhadap bahasa Melayu dengan menilai kepentingan dan keperluan mempelajari bahasa Melayu. Elemen afektif merangkumi ciri-ciri tingkah laku seperti perasaan, minat, sikap,

emosi, dan nilai. Sesetengah sarjana mengatakan bahawa sikap seseorang diramalkan akan berubah sekiranya seseorang itu sudah mempunyai tahap daya afektif yang tinggi. Ciri-ciri hasil pembelajaran afektif hadir dalam diri murid-murid melalui pelbagai tingkah laku. Seseorang yang memiliki elemen sikap afektif yang positif terhadap bahasa biasanya memiliki motivasi yang tinggi untuk menguasai bahasa tersebut. Individu yang memiliki elemen afektif terhadap bahasa cenderung untuk percaya akan diri dalam menguasai bahasa tersebut (Rohaidah, 2012). Mereka tidak takut untuk berbicara, menulis atau berinteraksi dengan orang lain dalam bahasa yang dipelajari. Individu yang memiliki elemen afektif yang positif terhadap bahasa sering kali juga tertarik akan budaya yang terkait dengan penutur bahasa tersebut. Mereka ingin memahami aspek budaya yang lebih mendalam seperti adat istiadat, seni, sastera, dan tradisional (Adenan Ayob, 2012). Sikap afektif yang baik terhadap bahasa biasanya mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi terhadap struktur bahasa, kosa kata dan cara-cara baru untuk menggunakan bahasa tersebut secara efektif (Sandy dll, 2011). Sikap afektif yang positif juga melibatkan ketekunan dalam menghadapi cabaran dalam belajar bahasa. Seseorang yang mempunyai elemen afektif yang baik terhadap bahasa akan cenderung menghargai bahasa tersebut dan memiliki rasa hormat terhadap penutur asli bahasa. Mereka berusaha untuk menggunakan bahasa dengan baik dan menghormati norma-norma budaya dan linguistik penutur asli. Pengukuran mengenal pasti sikap afektif murid-murid India dalam persekitaran yang melibatkan norma-norma budaya penutur asli bahasa.

1.8.2.3 Elemen Konatif

Elemen konatif juga dikenali sebagai komponen tingkah laku yang mempengaruhi cara kita bertindak atau berkelakuan. Komponen konatif ini melibatkan kepercayaan atau pengetahuan yang berkait rapat dengan motivasi kerana jika seseorang mempunyai motivasi yang tinggi untuk mempelajari sesuatu bahasa, mereka akan lebih bersemangat untuk mengasah kemahiran (Ghazali Yusri & Nik Mohd Rahimi, 2009). Elemen konatif mempengaruhi kemahiran komunikasi seseorang. Apabila seseorang menyedari kepentingan konteks dan tujuan komunikasi, mereka lebih cenderung menguasai bahasa dengan betul dan berkesan. Elemen konatif berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam interaksi sosial kerana apabila orang ramai mempunyai peluang untuk berkomunikasi dengan penutur asli atau kumpulan sosial, mereka akan mempunyai lebih banyak peluang untuk berlatih dan meningkatkan kemahiran bahasa mereka. Apabila seseorang mempunyai keyakinan diri dan motivasi yang tinggi, mereka akan cenderung untuk bercakap dengan yakin, menyampaikan mesej dengan jelas, dan membina hubungan yang baik dengan penutur asli bahasa itu (Ayuni, 2015).

1.8.3 Motivasi

Motivasi pula ialah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat menentukan keberkesanan penguasaan bahasa (Bernard, H.W. 1965 dalam Kamaruddin Hussin, 1993). Murid yang motivasinya tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat untuk terus berminat dengan perkara yang

disampaikan melalui rangsangan melalui insentif dan motif. Gardner (1972), motivasi integratif merujuk motivasi murid-murid mempelajari sesuatu bahasa kedua untuk tujuan berinteraksi, mendekati atau memahami komuniti bahasa kedua itu. Dalam tafsiran semula konsep integratif, Gardner (2005) merujuk kepada tanggapan masa lalu, masa kini, dan masa depan. Motivasi integratif meliputi ketiga-tiga aspek ini dalam diri individu dan hal ini berbeza dengan konsep motivasi lain dalam bidang penguasaan bahasa kedua. Motivasi integratif ialah konsep yang lebih luas dan merangkumi latar belakang, minat dan kebimbangan dalam aktiviti bilik darjah pada masa tertentu, malah selepas pembelajaran bahasa. Justeru itu, motivasi integratif adalah lebih kompleks daripada motivasi instrumental dalam kajian bahasa.

Gardner menyimpulkan bahawa motivasi integratif bukanlah satu konstruk yang tersendiri tetapi koleksi konstruk yang berkaitan. Dornyei (2005), motivasi integratif ialah istilah yang luas dan meliputi kecenderungan interpersonal atau afektif yang positif terhadap bahasa kedua dan keinginan untuk berinteraksi dan juga menjadi seperti ahli masyarakat yang dihargai. Hal ini menunjukkan penerimaan dan rasa hormat terhadap masyarakat budaya lain, nilai, identiti dan cara hidup mereka. Manakala motivasi instrumental ialah keinginan individu untuk memperoleh pengiktirafan sosial atau manfaat ekonomi melalui pengetahuan bahasa kedua itu (Rohaidah, 2012). Maka kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sama ada murid-murid India di tingkatan 1 yang dari SJKT ini mempunyai elemen motivasi integratif atau instrumental dalam mempelajari dan menguasai bahasa Melayu semasa berada di suasana atau keadaan yang berbeza kepadanya. Hubungan

kompleks antara motivasi integratif dan instrumental, yang melibatkan aspek-aspek latar belakang, minat, dan kebimbangan dalam aktiviti penguasaan bahasa (Siti Saniah Abu Bakar, 2012). Indikator operasional kajian ini ialah pengaruh persekitaran baharu terhadap motivasi. Malahan pengaruh minat peribadi dan tujuan sosial atau ekonomi dalam memotivasi penguasaan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana seseorang individu memerlukan motivasi yang tinggi dalam mencapai kejayaan dan matlamat dalam penguasaan bahasa. Dalam konteks penyelidikan ini, definisi operasi membantu menjelaskan dan mentakrifkan konsep abstrak supaya motivasi ini boleh diukur secara empirik. Definisi operasional motivasi membantu mengukur, mengidentifikasi dan memahami aspek-aspek spesifik motivasi dalam konteks penguasaan bahasa. Dalam konteks penelitian ini, definisi operasional membantu mengklarifikasi dan mendefinisikan konsep-konsep abstrak sehingga dapat diukur secara empiris.

1.8.4 Minat

Minat ialah keinginan atau kecenderungan seseorang kepada sesuatu perkara. Sikap dan motivasi berkait rapat dengan minat murid dalam memastikan murid-murid India menguasai bahasa kedua yang dipelajarinya (Ayuni, 2015). Minat ialah pendorong yang menyebabkan seseorang memberi perhatian terhadap orang, sesuatu atau aktiviti tertentu. Minat dan kecenderungan terhadap sesuatu perkara oleh murid-murid akan memberikan pengaruh yang signifikan dalam pencapaian pelajaran mereka (Noor Erma, 2014). Setiap ilmu dan pengetahuan yang memerlukan minat murid untuk

menguasai sesuatu bahasa dengan berkesan dan baik. Tanpa minat yang mendalam bahasa kedua tidak akan dikuasai oleh murid-murid (Zuraini, 2018). Minat murid-murid India dalam menguasai bahasa Melayu boleh dipengaruhi pelbagai faktor dan dalam kajian ini faktor yang mempengaruhi minat murid India dalam penguasaan bahasa setelah mereka di tingkatan 1 dikaji oleh penyelidik menggunakan *Fokus Group Discission* (FGD). Antara faktor yang dikaji ialah faktor ibu bapa dalam memupuk minat murid-murid India dalam menguasai bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kedua-dua ibu bapa merupakan insan yang amat dekat dengan murid-murid dalam mempelajari sesuatu yang baharu di samping penentu dalam pembentukan murid-murid dalam sistem pendidikan (Mohd Khairuddin, 2005). Ibu bapa memainkan peranan yang penting serta pengaruh yang besar dalam membentuk sikap dan motivasi murid-murid itu. Malahan ibu bapa memainkan peranan sebagai seorang pendidik kerana mempunyai tugas penting dalam memastikan sesuatu yang dipelajari oleh anak-anak mereka agar dipraktikkan dan diamalkan. Pengaruh guru dalam usaha menanam minat murid bahasa kedua menguasai bahasa keduanya itu sangat penting (Wan Munna Ruzzana, 2016). Hal ini demikian kerana guru merupakan pemudah cara dan juga merupakan sumber primer kepada murid-murid terutamanya semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Usaha guru dalam memupuk atau melahirkan minat terhadap bahasa Melayu penting terutamanya bagi murid-murid yang dari SJKT atau SJKC. Murid-murid yang tidak menerima dorongan daripada guru mereka serta mempunyai hubungan yang kurang baik dengan guru, menghasilkan suasana pembelajaran yang negatif. Minat murid terganggu menyebabkan sikap dan motivasi murid-murid dari SJKT itu

terganggu kerana iklim dan keadaan sosial di dalam kelas (Amirah Azhar, 2023).

Rakan sekelas juga memainkan peranan yang penting dalam agar murid-murid India ini dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik (Alhaadi, 2019). Murid-murid yang mempunyai rakan sebaya yang mendorong mereka menguasai bahasa Melayu dan sebaliknya pasti mempengaruhi pembentukan motivasi murid-murid itu yang mendorong sikap ingin menguasai bahasa Melayu. Oleh itu, faktor-faktor yang mendorong minat murid-murid menguasai bahasa Melayu semasa di tingkatan 1 perlu dikaji agar proses penguasaan bahasa mereka berlaku dengan baik. Malahan dengan cakna akan faktor yang mempengaruhi minat mereka, kita dapat memikirkan kaedah serta cara terbaik untuk memupuk dan mengatasi masalah yang berlaku akibat tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik apabila berada di tingkatan 1.

1.8.5 Penguasaan

Penguasaan ialah perihal mengetahui sesuatu perkara dengan mendalam dan menjadikan diri seseorang mahir. Dalam kajian ini, penguasaan bahasa Melayu adalah melalui penglibatan murid tingkatan 1 dalam kelas Bahasa Melayu. Penguasaan dalam bahasa Melayu diperlukan oleh murid-murid bagi meningkatkan kemahiran, ilmunya dan kompetensi dalam dirinya (Sylvester Lau, 2022). Kemahiran berbahasa Melayu membolehkan murid-murid bukan Melayu mendapat kemahiran tambahan dalam berbahasa dan dapat membantu murid itu semasa berkomunikasi. Penguasaan bahasa Melayu

wajib dikuasai oleh setiap murid bagi membolehkan dirinya berjaya dalam semua bidang (Nora' Azian, 2018). Dalam konteks kajian ini, penguasaan merujuk kepada keupayaan murid tingkatan 1 dalam menguasai Bahasa Melayu melalui penglibatan mereka dalam kelas Bahasa Melayu.

1.8.6 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan satu bahasa Austronesia dan mempunyai kaitan yang rapat dengan bahasa etnik lain yang dituturkan di Nusantara. Bahasa Melayu ini dituturkan di seluruh Kepulauan Melayu Nusantara yang antaranya di Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura sebagai pusatnya. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa *lingua franca* pada kemuncak Kesultanan Melayu Melaka (Hashim Musa, 2010). Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Akta Bahasa kebangsaan 1963 dan pindaan pada tahun 1967 telah menzahirkan Dasar Bahasa kebangsaan yang telah mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi negara kita. Malahan dalam membina keintelektualan bangsa, bahasa Melayu menjadi wahana penyebaran ilmu yang berfungsi dalam membantu penutur bahasa Melayu dalam menyampaikan idea, pendapat dan hujah dalam pelbagai ilmu.

Akhirnya, ciri-ciri bahasa Melayu ini membolehkan bahasa itu dipilih sebagai bahasa rasmi apabila tercapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Siti Hajar (2011), menyatakan bahawa peranan bahasa Melayu dalam memperlihatkan identiti nasional dan lambang sesuatu bangsa dan negara. Bahasa Melayu

juga diangkat martabatnya sebagai bahasa pendidikan, bahasa ilmu, bahasa perdagangan dan yang pentingnya sebagai bahasa perpaduan sejajar dengan peredaran zaman di negara kita agar dapat menjadi pemangkin pembinaan jati diri rakyat Malaysia (Norliza, 2017). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan kerana bahasa Melayu menjadi lambang penyatuan suara masyarakat Malaysia yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di sesebuah negara.

1.8.7 Murid India Tingkatan 1 SJKT

Murid India tingkatan 1 SJKT merupakan murid India yang menerima pendidikan mereka di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan mendapat keputusan cemerlang dan baik dalam subjek bahasa Melayu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan berjaya memasuki kelas tingkatan Satu. Murid-murid SJKT di tingkatan 1 ini tidak mengikuti kelas peralihan dan mempelajari mata pelajaran bahasa mengikut Kandungan DSKP. Hanya murid-murid dari SJKC dan SJKT yang gagal dalam peperiksaan bahasa Melayu dihantar oleh pihak sekolah untuk mengikuti kelas peralihan (Sivaneswary, 2019). Di Malaysia, sekolah-sekolah SJKT memberikan pendidikan utamanya dalam bahasa Tamil dan memenuhi keperluan murid keturunan India (Ambikapathy dll, 2020). Murid SJKT ini apabila berada di sekolah menengah akan mempelajari bahasa Melayu bersama-sama murid-murid Melayu dan Cina yang memperoleh markah yang baik dalam UPSR dalam suasana belajar yang berbeza, bahasa pengantar yang berbeza dan guru pula terdiri daripada

yang berbilang kaum. Murid India dari SJKT ini membawa latar belakang yang kaya dalam bahasa Tamil dan budaya, yang mungkin mempengaruhi pengalaman, sikap, motivasi, minat dan perspektif penguasaan bahasa Melayu mereka (Saraswathy, 2017; Deneswary, 2021). Sekolah dan guru untuk memberikan sokongan tambahan kepada murid-murid India dalam mempelajari bahasa Melayu, termasuk dengan menyediakan program bimbingan tambahan, sumber pembelajaran yang sesuai, dan peluang untuk latihan berbicara dalam konteks sebenar. Komitmen yang kuat daripada murid sendiri dan sokongan dari keluarga juga penting dalam memastikan kejayaan penguasaan bahasa mereka di sekolah menengah.

1.9 Rumusan

Dalam bab 1 ini, penyelidik menjelaskan latar belakang perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa ilmu. Seterusnya penyelidik turut mengemukakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan rakyat Malaysia dan pentingnya menguasai bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Tumpuan telah diberikan kepada elemen sikap, motivasi dan faktor yang mempengaruhi minat penguasaan bahasa Melayu murid India SJKT apabila mereka di alam sekolah menengah iaitu di tingkatan 1. Penguasaan bahasa Melayu ini dianalisis daripada aspek sikap merangkumi elemen afektif, kognitif dan konatif. Manakala bagi elemen motivasi pula dianalisis elemen yang dominan antara instrumental dengan integratif. Faktor yang mempengaruhi minat murid India dalam menguasai bahasa Melayu juga diuraikan dalam kajian ini. Kajian ini

perlu agar murid-murid India tidak tercicir dari sekolah kerana tidak dapat menguasai bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi negara dan bahasa penyatuan rakyat Malaysia.



RUJUKAN

- Abernathy, Tammy V, & Taylor, Shanon S. 2009. "Teacher perceptions of students' understanding of their own disability". *Teacher Education and Special Education*, 32(2), 121-136.
<https://doi.org/10.1177/0888406409334084>
- Adenan Ayob & Khairuddin Mohammad. (2012). *Kaedah pengajaran bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran bahasa melayu dalam kalangan murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(3), 23-30. <https://www.ukm.my/jatma/en/volume-7-no-3/>
- Asmah Haji Omar. (1993). *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Hamzah. (2010). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Research Gate.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya, *Malaysian Journal of Media Studies*, 6(1), 1-10.
<https://jpmm.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/32755/13707>
- Babbie E. (2010). *The Practice of Social Research*. Wadsworth Cengage Learning.
- Basit, N. F. A., Hamzah, I., & Baharudin, H. (2017). Strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 6, 41–51
- Bernardi, Laura, von der Lippe, Holger, & Keim, Sylvia. 2005. Mapping social influence on fertility: a mix-method approach to data collection. *Max Planck Institute for Demographic Research*.
<https://doi.org/10.4054/mpidr-wp-2005-015>
- Bravo, M. A., & Cervetti, G. N. (2008). Teaching Vocabulary Through Text and Experience in Content Areas. In A. E. Farstrup & S. J. Samuels (Eds.), *What Research has To Say About Vocabulary Instruction*. Newark, DE: International Reading Association.
- Calfee, R. C., & Drum, P. (1986). Research on Teaching Reading. In M. Wittrock (Ed.), *Handbook of Research on Teaching* (pp. 804-849). Macmillan.

- Chua, Yan Piaw. (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. *Research Gate*.
- Conradson, D. (2005). Focus Groups. In R. Flowerdew & D. Martin (Eds.), *Methods in Human Geography: A Guide for Students Doing a Research Project* (pp. 128-143). Pearson.
- Creswell, J.W. (2012). *Education research: Planning, conducting and evaluating quantitative research* (4th ed.). Upper Saddle River, NJ: Person.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J.W. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Darussalam, Ghazali & Hussin, Sofian. 2016. Metodologi Penyelidikan dalam
- Deeneswary A/P Shamugam, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Sikap dan motivasi murid india sekolah rendah pedalaman tamil dalam mempelajari bahasa melayu sebagai bahasa kedua (Attitude and motivation indian pupils towards malay language as a second language). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 331-341.
- Dewaele, J.-M., & MacIntyre, P. D. (2016). Foreign language enjoyment and foreign language classroom anxiety: The right and left feet of FL learning? In P. D. MacIntyre, T. Gregersen, & S. Mercer (Eds.), *Positive Psychology in SLA* (pp. 215-236). Multilingual Matters.
- Dhamodarem, J. (2011). *Gaya Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar India*. PhD thesis.
- Djaali, 2008, Skala Likert, Yogyakarta, Andy Offset.
- Dörnyei, Z., & Csizér, K. (2005). The effects of intercultural contact and tourism on language attitudes and language learning motivation. *Journal of Language and Social Psychology*, 24(4), 327-357. <https://doi.org/10.1177/0261927X05281424>
- Eldeniya, Madhubashini; Khatibi, Ali; Azam, S. M. Ferdous. An Analysis of Students' Motivation and Attitudes Toward Learning Japanese Language as a Foreign Language in Secondary Schools in Sri Lanka. *European Journal of Foreign Language Teaching*. <https://doi.org/10.46827/ejfl.v0i0.1913>

- Ghandi M. S. D., & R. Sivaperagasam, P. R. (2019). Implikasi status sosioekonomi keluarga dan persekitaran terhadap keciciran murid India: Kajian kes di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 284-297.
- Ganesan, P., & Wan Mohammad, W. (2021). Motivasi murid india terhadap pembelajaran bahasa melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 203-212.
- Gardner, R. C & Lambert, W. (1972). Attitudes and motivation in second language learning. *Newbury House*.
- Gardner, R. C. (1985a). Social psychology and second-language learning: The role of attitudes and motivation. *Arnold*.
- Gardner, R. C. (1985b). The Attitude/Motivation Test Battery. Technical Report. Language Research Group, Department of Psychology, University of Western Ontario.
- Gardner, R. C. (2010). *Motivation in second language acquisition: The socio-educational model*. New York: Peter Lang.
- Gopala Pilai, K., & Kutty, F. M. (2022). Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah [Attitude of Malay Language Teachers in The Implementation of Classroom Assessment]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), 1-18. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1522>
- Hj. Mahali, S., & Kihob, A. (2020). Kerancuan Bahasa Dalam Karangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Manu: Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 31(2), 97–132. <https://doi.org/10.51200/manu.v31i2.2633>
- Hwa, O. C., & Subramaniam, V. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua: [Factors Contributing to The Existence of First Language in Learning Malay Language as A Second Language]. *Ulum Islamiyyah the Malaysian Journal of Islamic Science*, 20, 35- 45. <https://doi.org/10.33102/uij.vol20no0.39>
- Iksan, Z., Hamjah, S. H., Puji, T. I. Z. T., & Saper, M. N. (2016). Kualiti ilmu berasaskan kesahan dan kebolehppercayaan data dalam penyebaran ilmu Islam: Perbincangan berasaskan kajian kualitatif. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 13-30. <https://ejournals.ukm.my/jhadhari/issue/view/803>
- Indumathy Munusamy. (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Peralihan di Tiga Buah Sekolah di Daerah Skudai. Laporan Projek Akhir Sarjana*, [Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia].

- Irma M., Ugartini M., and Intan NSH. (2021) Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education*, 11 (1), 16-28. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/252/189>
- Izuwani Nawi, S., & Kee Quan, W. (2022). Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua: Kajian Strategi dan Sikap Murid Cina di Sekolah Wawasan. *In International Conference on Global Education* (pp. 220-225).
- Jamaluddin, N. (2017). Upaya Bahasa Melayu Sebagai Sarana Ilmu: *Dalam Simposium Internasional Upaya Peningkatan Kembali Bahasa Melayu sebagai Alat Pemersatu Kawasan Asia Tenggara*. Universitas Indraprasta PGRI, Jakarta, Indonesia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Research Gate*.
- Jerie anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 13-25. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/20/20>
- Junaini Kasdan. (2011). Sikap. Persepsi dan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: *Analisis Sosiokognitif*. [Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Khairul Nizam Mohamed Zuki, and Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, (2017) Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 7(1), 24-33. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/129/121>
- Mairin G, Mohd. Nizam Nazaruddin, Zakiah Nordin, Azman b. Saharin & Siti Rozaina bt. Saili. (2020). Hubungan Ibu Bapa dan Peranan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1), 1-12. <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/27555/>
- Mansor, A. A., & Ma'alip, S. (2020). Sikap Bahasa terhadap Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-17. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/275>
- Mansyur, Umar. (2018). Inovasi Pembelajaran Bahasa Indonesia melalui Pendekatan Proses. *Retorika: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 9(2), 158-163. <https://doi.org/10.26858/retorika.v9i2.3806>
- McCarthy, M., & Carter, R. (1994). *Language as Discourse: Perspectives for Language Teaching*. Longman.

- Mesquita, I., Coutinho, P., De Martin-Silva, L., et al. (2015). The value of indirect teaching strategies in enhancing student-coaches' learning engagement. *Journal of Sports Science & Medicine*, 14(3), 657. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC4541132/>
- Mohamad Nasir, Z. & Zainon Hamzah, Z. A. (2014). Sikap dan Motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.263>
- Mohd Khairuddin. (2005). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Matematik Ambilan Jun 2002/2003 dalam Pembelajaran Matematik di Universiti Pendidikan Sultan Idris. [*Ijazah Sarjana Muda*, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Muniandy, M. Elangko (2015) *Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru (1957-2000)*. [Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia].
- Nor Hashimah Jalaludin. (2010). Sosiokognitif dan Penguasaan Pragmatik Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Linguistik. *Jurnal Linguistik*, 10 (edisi khas), 1-21.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sociolinguistik bahasa Melayu lama*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Norizah Ardi. (2005). *Sikap Terhadap Bahasa Melayu Dan Penggunaannya di Kalangan Pelajar di Universiti Selatan Thailand*. [Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA].
- Nur Ayuni Nusaibah Husin & Amir Hasan Dawi. (2019). Peranan Sekolah dalam Pembentukan Perpaduan Antara Kaum dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12, 18-28. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol12.3.2019>
- Nurul Ain Ahmad, and Rohaidah Kamaruddin, (2019) Faktor ekstralinguistik terhadap Sikap Pembelajaran Bahasa Kedua dalam kalangan Pelajar asing di Universiti Terpilih di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 69-76. <https://journalarticle.ukm.my/12548/>
- Othman L. (2012). Penyelidikan kualitatif: *Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*.
- Patton. M. Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods (3rd Ed.)*. Sage Publications.
- Pendidikan. Kuala Lumpur. *Penerbit Universiti Malaya*.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2005). Bahasa Melayu dalam konteks budaya dan kuasa. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, DBP*, 2 Disember 2005.

- Suresh Kumar N Vellymalay. (2016). Keberkesanan Hubungan Guru Kelas-Murid dalam Merangsang Kesedaran Terhadap Integrasi Etnik dalam Kalangan Murid di Bilik Darjah. *Jurnal Ilmi*, 6, 69-88. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JILMI/article/view/39/34>
- Tampubolon, 1991. Mengembangkan Minat dan Kebiasaan Membaca. Bandung. Angkasa.
- Tay M. G., Litat, B & Shanmugam, A. (2016). Faktor Ekstralinguistik: Motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan natif. *Jurnal Penyelidikan IPGKBL*, 13, 32-41. http://www.ipbl.edu.my/eng/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2016/Tay_%20MG.pdf
- Teo Kok Seong. 2014. Siri Wacana Pemartaban Bahasa Kebangsaan. Muzium Diraja, Istana Negara Lama. Kuala Lumpur pada 24 Februari 2014.
- Teoh H. C. (2005). *Hubungan antara motivasi integratif dengan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah persendirian Cina*. [Master thesis, Universiti Putra Malaysia].
- Ushida, E. (2005). The role of students' attitudes and motivation in second language learning in online language courses. *CALICO Journal*, 23(1), 49-78. https://www.calico.org/html/article_131.pdf.
- Wan Mohammad, W. A., & Ganesan, P. (2021). Motivasi Murid India Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 203-212. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12570>
- Wan Rafaie Abdul Rahman. (1991). Motivasi dan Psikologi: Anda Boleh Menjadi Pelajar Cemerlang. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Motivasi Diri dan Pembelajaran Berkesan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Watkins, M. A. (2013). *The impact of school culture and climate on student performance*. Dissertation Abstracts International Section A: Humanities and Social Sciences. [Doctoral dissertation, Purdue University].
- Yong, C. C., Abu Bakar, S. S., Chan T. H., & Vijayaletchumy Subramaniam. (2010a). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa antarabangsa: konteks Malaysia. *Seminar International Bahasa, Sastra, Pengajaran Bahasa dan Sastra dan Budaya*, 2 Jun 2010, Balai Bahasa Provinsi Sumatera Selatan.

Putri Zabariah Megat Abdul Rahman. (2008). Pemerhatian dan Penilaian Kanak-kanak.

Quek, M. L & Yeo, K. J. (2006). Pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan 4 di daerah Batu Pahat.

Rahmad @ Rahmand, M., Mahamod, Z. (2021). Tahap Kecerdasan Pelbagai Dan Motivasi Pelajar Tingkatan Enam Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 319-330. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpdp/article/view/12586>

Rohaidah M., Norziah A., Rahman M. Z. & Zamri M. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 54-73. <https://journalarticle.ukm.my/16196/>

Rohaidah K. (2012). *Hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian Bahasa Melayu pelajar-pelajar Melayu di Negeri Sembilan*. [Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia].

Saraswathy Pormalu @ Perumal, Rohaidah K., Paramasivam M., Ayuni M. B. & Husna H. M. (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Sekolah Tamil, *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 5, 45-55. <https://doi.org/10.17576/IMAN-2017-0501-05>

Schiffman, L., & Kanuk, L. L. (2010). *Consumer Behavior, Global Tenth Edition*. Pearson Education, Inc.

Shamugam, D.; Mohamad Nasri, N. (2021). Sikap Dan Motivasi Murid India Sekolah Rendah Pedalaman Tamil Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 331-341. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpdp/article/view/15723>

Sharala Subramaniam, Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi & Mohamed Amin. (2014). Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 25-35. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/79/79>

Siti Saniah Abu Bakar & Subramaniam, S. (2012) Pengaruh motivasi instrumental dan integratif dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education*, 2 (2), 54-61. <https://journalarticle.ukm.my/5720/>

Stockwell, P. (1995). *Language as Discourse: Perspectives for Language Teaching* by Michael McCarthy and Ronald Carter, 1994, Longman, Harlow pp. xv & 230 ISBN 0 582 084245. *Language and Literature*, 4(1), 74–76. <https://doi.org/10.1177/096394709500400110>.

Yong, C. C., Abu Bakar, S. S., Chan Tze-Haw, & Vijayaletchumy Subramaniam. (2010b). Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi. *The 4th International Conference on Teacher Education; Teacher Education in Developing National Characters and Cultures. Universiti Pendidikan Indonesia, Jakarta.*

Zakaria, M. F. & Muhammad Nawawi, M. A. A. (2020) Factors of tendency on students' interest towards Arabic language: a study at Management and Science University. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics (IJMAL)*, 4(4), 92-100. <https://doi.org/10.24191/ijmal.v4i4.10925>

Zamri Mahamod. (2004). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah*. [Doctorial dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].

Zulkifley Hamid, Rahim Aman dan Karim Harun. (2010). Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, 5, 163-176. <https://journalarticle.ukm.my/3024/>

Zuraini Ramli. (2018). *Psikolinguistik dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.